


Jilid II  
Bil. 14



Hari Jumaat  
30hb Mac, 1984

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL KEDUA  
*Second Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2009]

**USUL:**

**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)**  
[Ruangan 2044]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,  
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri,  
DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR  
NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M.,  
A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH  
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,  
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,  
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,  
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).



- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

Yang Berhormat TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).

- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K.  
(Kimanis).

- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K.  
(Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjung Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Jumaat, 30hb Mac, 1984
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat)*

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

PERUMAHAN BAGI KAKITANGAN  
KERAJAAN DI SARAWAK

1. **Tuan Justine anak Jinggot** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah perumahan bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan Persekutuan di Sarawak terutamanya di daerah-daerah kecil seperti di Kapit.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan tidak menyediakan rumah-rumah kediaman bagi pegawai-pegawainya kecuali perkhidmatan-perkhidmatan yang mensyaratkan kakitangan-kakitangan tinggal di tempat-tempat yang ditetapkan sebagaimana diperlukan di bawah Perintah Am Bab "E". Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan ada membina beberapa rumah kediaman di bandar-bandar yang terdapat di Pejabat-pejabat Persekutuan

seperti di Kuching, Lundu, Sri Aman, Sibul, Miri, Bintulu, Merudi, Limbang, Lawas, Sarikei, Daro, Song dan termasuk juga di daerah Kapit.

Tuan Yang di-Pertua, daerah Kapit terdapat sebanyak 12 buah rumah pangsa Kelas "F" dan 4 buah rumah Kerajaan Kelas II telah dibina oleh kakitangan Kerajaan yang bertugas di sana, untuk mengatasi masalah rumah kediaman yang tidak cukup. Terdapat juga pegawai-pegawai Persekutuan yang tinggal di rumah-rumah kediaman Kerajaan Negeri.

Kerajaan Persekutuan di dalam mengatasi masalah rumah kediaman ini telah merancang untuk membina sebanyak 474 unit rumah dengan harga \$44 juta. Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat diteruskan kerana keadaan ekonomi negara dan ia adalah ditangguhkan sehingga ke satu masa yang sesuai.

**Tuan Justine anak Jinggot:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah kekurangan rumah untuk kediaman kakitangan Kerajaan makin bertambah tahun demi tahun dan saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa di beberapa buah daerah yang kecil, yang bukan sahaja tidak mempunyai rumah kediaman yang tidak cukup atau rumah sewa, tetapi seperti apa yang berlaku di bandar Kapit ialah tidak ada rumah untuk disewa.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi

hasrat Kerajaan untuk menyediakan pegawai-pegawai yang bertugas dengan Kerajaan, dengan kemudahan-kemudahan asas seperti ini, tetapi sebagaimana yang saya sebutkan tadi, masalahnya ialah masalah kemelesetan ekonomi yang telah menjejaskan projek-projek untuk kita mendirikan rumah-rumah pegawai-pegawai Kerajaan.

Memanglah juga disedari hakikat bahawa di kawasan seperti Kapit, malah kawasan saya pun di Simunjan, memang ada pegawai-pegawai yang kekurangan rumah, bukan hanya rumah yang disediakan oleh Kerajaan, tetapi rumah untuk disewa, jadi tumpuan Kerajaan atas perkara ini adalah serius.

### **PUSAT KESIHATAN KECIL, TRONG, PERAK**

**2. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa Kementerian Kesihatan pada satu ketika dahulu telah meluluskan kenaikan taraf Pusat Kesihatan Kecil Trong, Perak ke Pusat Kesihatan Besar dengan menempatkan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan tambahan kakitangan Kejuruteraan serta tambahan kenderaan. Adakah beliau juga sedar bahawa pada akhir-akhir ini pesakit-pesakit luar yang datang untuk mendapatkan khidmat perubatan, pergigian, kesihatan ibu-ibu mengandung, kanak-kanak dan lain-lain lagi telah bertambah. Jika sedar, bilakah agaknya beliau bercadang untuk menaikkan taraf Pusat Kesihatan Kecil Trong ke Pusat Kesihatan Besar.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar bahawa rancangan untuk menaikkan taraf Pusat Kesihatan Kecil di Trong, Perak ke Pusat Kesihatan Besar telahpun diluluskan. Malangnya, projek

ini, seperti projek-projek yang lain, terpaksa ditangguhkan kerana ketiadaan peruntukan.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, apakah asas-asas yang digunakan oleh pihak Kementerian beliau untuk menaikkan taraf sesuatu Pusat Kesihatan itu daripada Pusat Kesihatan Kecil ke Pusat Kesihatan Besar, sama ada dia berdasarkan kepada jumlah penduduk yang ada di satu tempat itu ataupun sama ada berdasarkan kepada taraf kesihatan penduduk yang berkenaan ataupun berdasarkan kepada permintaan daripada penduduk.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, asasnya adalah kebanyakan tertakluk kepada jumlah penduduk. Walaupun dari semasa ke semasa kita juga mengambil kira kemudahan pengangkutan atau perhubungan di satu-satu kawasan dan juga keadaan kesihatan pada amnya.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri Kesihatan telah menyatakan bahawa Kementerian sedar berhubung dengan masalah kenaikan daripada Pusat Kesihatan Kecil kepada Pusat Kesihatan Besar dan juga berhubung dengan masalah kemelesetan ekonomi. Jadi, di sini saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri adakah Kementerian ini sedar bahawa pertambahan penduduk yang mana di Pusat Kesihatan Kecil Trong itu yang mana penduduknya lebih kurang 15,000 tetapi ramai daripada penduduk-penduduk di sekitarnya sehingga ke Batu Hampar yang jauhnya lebih kurang 15 batu kemudian sampai ke Batu 8 Trong 5 batu. Ini memandangkan dari segi kemudahan-kemudahan kenderaan terutamanya kepada orang kampung dalam masalah bas.

Jadi, tidakkah Kementerian ini memikirkan supaya dapat juga Pusat Kesihatan Kecil ini mencari satu jalan supaya dijadikan juga Pusat kesihatan Besar.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kementerian Kesihatan telah menerima alasan-alasan yang sebahagiannya dihuraikan tadi oleh Ahli Yang Berhormat. Untuk meningkatkan taraf Pusat Kesihatan ini, yang menghalang pelaksanaan projek pada masa ini adalah ketiadaan peruntukan. Kementerian telah juga memperolehi tapak yang sesuai untuk membina Pusat Kesihatan Besar ini dan kita hanya menunggu kelulusan peruntukan untuk menjalankannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin Hasaan.

*(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir)*

#### **PENCEMARAN INDUSTRI HICOM DI LEMBAH KELANG—KAJIAN**

**4. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada satu kajian telah dibuat berhubung dengan potensi pencemaran industri-industri yang ditubuhkan oleh HICOM ke atas alam sekitar di Lembah Kelang yang sudahpun mengalami udara "smog" yang tinggi yang mengancam kesihatan beribu-ribu penduduk.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada maklumat yang terdapat di Kementerian saya Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (PROTON) dan HICOM Yamaha Manufacturing Sdn Bhd ialah dua buah industri yang sedang ditubuhkan di Lembah Kelang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah membuat satu penilaian bagi kesesuaian tapak berhubung dengan potensi pencemaran bagi industri-industri tersebut dan didapati bahawa tapak mereka adalah sesuai.

Selain daripada itu Jabatan Alam Sekitar telah juga menghendaki pihak HICOM mengemukakan keperluan-keperluan sistem kawalan pencemaran terhadap kedua-dua kilang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut sukatan-sukatan Jabatan Alam Sekitar paras gas ozon iaitu komponen utama dalam smog tidak mencapai paras yang membimbangkan seperti dituntut oleh Ahli Yang Berhormat dan sebenarnya boleh dikatakan rendah.

Walau bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar akan meneruskan sukatan tersebut untuk mengawasi keadaan berlakunya smog di kawasan Lembah Kelang supaya kesihatan penduduk tidak terancam.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah beliau sedar di kawasan Kelang, di sana sekarang ada terdapat banyak kekotoran, pencemaran dan ahli-ahli kimia dan ahli-ahli expert kata di sana apabila ada hujan ada acid rain, dengan izin. Oleh sebab itu apa sebab Kementerian itu benarkan industri-industri berat ditubuhkan dalam kawasan Kelang.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan di jawapan saya sebentar tadi oleh kerana mengikut penilaian yang dibuat oleh Kementerian saya keadaan pencemaran di Lembah Kelang boleh dikatakan sampai sekarang keadaan adalah masih terkawal. Kementerian saya ada mengambil beberapa langkah untuk jangka panjang dan jangka pendek bagi mengawal pencemaran di Lembah



Kelang bukan sahaja untuk pembangunan industri berat tetapi juga untuk industri ringan dibangunkan dengan memperseimbangkan perlindungan alam sekitar dan pembangunan perindustrian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir.)*

### KAJIAN KECICIRAN DI SABAH

**6. Tuan Hassan Alban bin Sandukong** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian Pelajaran membuat kajian keciciran di Sabah untuk mengetahui punca-punca kelemahan taraf pencapaian pelajaran di Sabah.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, masalah keciciran di Sabah seperti yang sering didakwa sebenarnya kurang disandarkan kepada fakta-fakta yang tepat dan konkrit. Isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah merupakan satu andaian semata-mata kerana mengikut taburan data mengenai kadar keciciran murid-murid di negeri Sabah didapati peratusnya sangatlah kecil. Malah kadarnya adalah lebih kurang sama sahaja dengan yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Sebagai contoh banci pada Jun 1983 dalam proses peralihan dari Darjah I ke Darjah II peratus keciciran yang paling tinggi hanyalah 3.5. Darjah II dan ke III ialah 2.1, Darjah III ke IV 3.4, Darjah IV ke V 4.7, dan Darjah V ke VI ialah 5.0.

Berdasarkan kepada trend kadar peralihan yang wujud sekarang saya tidak nampak sebarang keperluan supaya satu kajian yang menyeluruh di peringkat kebangsaan ataupun khusus untuk negeri Sabah diadakan.

### PROJEK YANG DITAJA DENGAN PINJAMAN BANK DUNIA

**7. Dr George Chan Hong Nam** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan serta jenis-jenis projek yang sedang ditaja ataupun sedang dilaksanakan dengan pinjaman dari Bank Dunia dan apakah:

- (a) syarat-syarat yang dikenakan;
- (b) jumlah pinjaman wang negara kita telah meminjam daripada Bank tersebut serta jumlahnya yang telah dibayar balik sejak Rancangan Malaysia Pertama dilaksanakan hingga sekarang; dan
- (c) bilangan pakar-pakar teknik dalam berbagai bidang dari Bank tersebut yang sedang berkhidmat dalam negara kita, jika ada.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan telah memperolehi pinjaman dari Bank Dunia untuk membiayai 25 buah projek pembangunan yang terdiri daripada 14 projek-projek pertanian, yang ini berjumlah sebanyak \$1,020.4 juta. Projek-projek infrastruktur ada 6, ini berjumlah sebanyak \$684 juta dan juga projek-projek sosial sebanyak 5 projek semuanya dengan berjumlah sebanyak \$344 juta menjadikan semuanya \$2,048.89 juta bagi semua 25 projek yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh Bank Dunia iaitu faedah, kadarnya di antara 7.5% hingga 11.4%, ini bergantung dari projek ke projek dan juga tempoh pinjamannya tiap-tiap satu pinjaman itu ialah selama 15 tahun dan diberi pula tempoh pelepasan ataupun dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, grace period, selama 3 tahun.

Bagi jawapan kepada soalan (b), yakni jumlah pinjaman wang, sejak

1958 Kerajaan telah meminjam sebanyak \$3,545.82 juta ataupun dalam bentuk matawang US Dolar sebanyak US\$1,541.66 juta dari Bank Dunia untuk membiayai projek-projek pembangunan sementara wang yang telah dibayar hingga ke setakat ini ialah sebanyak \$612.44 juta ataupun dalam bentuk matawang US Dolar sebanyak US\$266.28 juta.

Berkenaan dengan bilangan pakar-pakar seperti yang dikehendaki dalam soalan (c), sukalah saya memaklumkan bahawa pada ketika ini tidak ada pakar-pakar teknik yang berkhidmat dengan Kerajaan kita ataupun yang kita pinjam melalui Bank ini.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam projek pembangunan yang telah ditaja atau diluluskan melalui pinjaman Bank Dunia ini, adakah termasuk projek pembangunan untuk Projek Johor Barat Peringkat Kedua. Kalau tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk memohon pinjaman daripada Bank Dunia?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti sama ada pinjaman akan dibuat berkenaan dengan Projek Johor Barat yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi pada ketika ini. Tetapi soalnya, apabila sesuatu projek itu memerlukan pinjaman wang dunia, perlulah ia terlebih dahulu dikaji dan kalau sekiranya difikirkan munasabah dan bersesuaian, kita akan memohon mengikut keadaan-keadaan tertentu.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hasil daripada pinjaman daripada Bank Dunia ini sebahagian daripadanya telah pun disalurkan kepada Badan-badan Berkanun bagi menjayakan projek-projek. Sebahagian daripada projek-projek yang dijalankan oleh Badan-badan Berkanun ini telah menghadapi kegagalan. Apakah tindakan ataupun

langkah-langkah Kerajaan yang telah diambil dan akan diambil bagi mendapatkan balik pinjaman yang telah diberikan kepada Kerajaan disalurkan kepada Badan-badan Berkanun ini?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Sebelum saya jawab soalan Yang Berhormat dari Ulu Muda, saya ingin tahu projek mana yang gagal di bawah pinjaman Bank Dunia?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tak benarkan yang itu, tak boleh ada soal jawab.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam projek-projek yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan melalui pinjaman Bank Dunia ini dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kepada Dewan ini bagaimanakah peruntukan-peruntukan dari pinjaman Bank Dunia itu diperuntukkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Yang kedua, jika tidak diperuntukkan berdasarkan kepada negeri, adakah Kerajaan-kerajaan Negeri apabila dapat mengesan projek-projeknya sendiri boleh memohon pinjaman kepada Bank Dunia?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, satu-satu projek yang hendak dimajukan di bawah pinjaman dari Bank Dunia terpaksa diteliti oleh Kerajaan Pusat dan bilangan projek-projek tidaklah berdasarkan kepada negeri-negeri, ertinya tidak tiap-tiap negeri itu mestinya mempunyai satu-satu projek tetapi kalau sekiranya satu-satu projek itu penting dan menguntungkan dari segi keseluruhannya, maka Kerajaan Persekutuan boleh membuat pinjaman-pinjaman setelah difikirkan projek itu akan membawa keuntungan kepada negara keseluruhannya.

Berkenaan dengan projek-projek yang dikesan oleh negeri-negeri, inginlah saya memaklumkan pada setakat ini Kerajaan-kerajaan Negeri, tak kira negeri mana dalam Malaysia ini, tidak membuat pinjaman-pinjaman terus daripada Bank Dunia.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut penerangan daripada Timbalan Menteri tadi mengatakan beberapa projek telah mendapat pinjaman daripada Bank Dunia dan juga ada dua cara faedah, iaitu 7.5% dan juga 11.4%. Jadi dalam cara manakah faedah yang dikenakan, iaitu yang satu 7.5% dan satu lagi 11.4%. Adakah berdasarkan kepada lama masa pinjaman ataupun kepada projek yang memberi untung atau dari projek sosial.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kadar faedah ini sebenarnya mengikut kos pinjaman yang dibuat mengenai satu-satu pinjaman yang ditanggung oleh Bank Dunia itu sendiri. Maka dari segi faedahnya yang dikenakan kepada negara kita meminjam bergantung kepada kos wang itu yang ditanggung oleh bank itu sendiri.

### RANCANGAN PERUMAHAN BAGI BURUH DI LADANG-LADANG

**8. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Buruh menerangkan tidakkah Kerajaan bercadang supaya Majikan Ladang-ladang (estate) dimestikan supaya mengadakan rancangan perumahan bagi buruh-buruhnya memandangkan bila buruh-buruhnya bersara tiada tempat kediaman.

**Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, skim memiliki rumah pekerja merupakan satu rancangan sukarela yang digalakkan oleh Kementerian saya.

Untuk mendapat penyertaan para majikan ladang dan lombong supaya pekerja-pekerja mereka apabila bersara kelak akan dapat mempunyai tempat kediaman mereka sendiri, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memaksa majikan-majikan bagi mengadakan rancangan perumahan di bawah skim tersebut. Selain dari mendapat peluang di bawah skim tersebut, didapati pekerja-pekerja juga masih turut berpeluang untuk mendapatkan rumah di rancangan-rancangan perumahan swasta ataupun di bawah Skim Rumah Murah yang dirancangkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing dari masa ke masa.

### PEMBAZIRAN AIR— LANGKAH MENGATASI

**9. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan benarkah Kerajaan Negeri di seluruh negara menghadapi kerugian sejumlah kira-kira \$42 juta akibat pembaziran air yang melibatkan purata kehilangan antara 17.3% hingga 57.6% setahun; jika benar:

- (a) apakah faktor yang menyebabkan berlakunya pembaziran yang merugikan itu sedangkan masih banyak kawasan-kawasan luar bandar yang belum dapat menikmati air yang bersih; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang positif telah diambil oleh pihak Kementerian bagi membantu Jabatan Kerja Air negeri-negeri untuk mengurangkan pembaziran itu ke tahap yang paling minima agar dapat mengelakkan kerugian sumber hasil yang berterusan.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa ada air yang membazir dan ini melibatkan kerugian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, tetapi angka sebenarnya tidak diketahui. Secara kasarnya sahaja adalah ditaksirkan

bahawa bagi Semenanjung Malaysia kehilangan air ialah sebanyak kira-kira 27%.

Sebagai bandingan, patutlah saya terangkan bahawa Bank Pembangunan Asia telah menyatakan bahawa kehilangan air sebanyak 20% adalah munasabah. Pada biasanya kehilangan air ini adalah ditaksirkan sebagai air yang tidak digunakan melalui meter, ini bermakna bahawa air yang digunakan oleh Jabatan Bomba semasa memadamkan api atau air yang digunakan untuk membersihkan parit dan longkang, mencuci paip-paip air utama dan sebagainya adalah dianggap sebagai air yang kehilangan juga.

Faktor-faktor lain yang menyebabkan kehilangan air termasuklah:

- (1) penggunaan meter yang rosak;
- (2) curian air;
- (3) bacaan meter yang tidak betul;
- (4) kebocoran paip air yang lama dan berkarat; dan
- (5) kebocoran paip-paip air utama yang telah usang.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang positif yang telah diambil oleh Kementerian saya untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri mengatasi masalah-masalah pembaziran air ini ialah dengan memberikan nasihat teknikal dan lebih rapi kepada mereka. Selain dari itu, Kerajaan juga telah memperolehi wang pinjaman dari Bank Pembangunan Asia sebanyak \$1.2 juta untuk menjalankan satu projek untuk mengkaji kerugian air yang tidak dapat dikesan (not accounted for) di Alor Setar, Kedah. Di samping itu juga Kerajaan Negeri Perak telah pun meluluskan peruntukan sebanyak \$400,000 pada masa tahun ini untuk mengkaji kerugian air yang tidak dapat dikesan itu. Di negeri-negeri lain pula sedang mempergiatkan usaha-usaha dan mengambil langkah-langkah yang sama bagi mengatasi kerugian air.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasihlah atas penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi ada satu yang menghairankan saya. Faktor-faktor yang menyebabkan pembaziran air, di antaranya kata beliau, kerana membaca meter yang tidak betul. Ini saya tak faham, adakah kerana dia tak erti ataupun kerana meter itu rosak atau macam mana?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, pembaca meter itu tak betul sebab banyak di antara kakitangan daripada JKR apabila mereka baru masuk ke perkhidmatan mereka ada jugalah membuat sedikit salah tetapi selepas masa itu mereka mendapat pengalaman, saya harap kita sudah menyelesaikan masalah tersebut.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah kerugian Bahagian Air ini saya ingin tahu daripada Menteri Kerjaraya, adakah Menteri sedar bahawa ada di setengah-setengah tempat misalnya di kawasan saya sendiri terutamanya kawasan Kuala Sepetang, Port Weld yang mana tekanan airnya begitu lemah sekali. Jadi dalam masalah ini terpaksa penduduk-penduduk di sekitar Kuala Sepetang itu menggunakan suatu jentera pam untuk menyedut air daripada paip tadi. Apakah langkah-langkah Kementerian ini untuk mengatasi supaya Kerajaan tidak mendapat kerugian dalam masalah ini?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham soalan daripada Ahli Yang Berhormat iaitu jikalau tekanan air ada lemah, saya harap paip itu tak pecah dan selepas itu jikalau tekanan air tidak berapa sesuai, JKR akan mengambil tindakan untuk memasang booster pump yang mana tiap-tiap pengguna boleh juga dapat tekanan air.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa salah satu faktor yang menyebabkan pembaziran air ialah kebocoran paip yang usang atau yang lama di bawah tanah. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada pihak Jabatan Kerja Air ada menubuhkan satu unit khas bagi tujuan untuk meronda kawasan-kawasan untuk mengesan paip-paip yang bocor ini supaya tindakan yang positif dapat diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, tetapi saya tidak ada apa-apa cadangan untuk mengadakan satu jawatankuasa, sebab-sebabnya di Kementerian kami sahaja sudahpun ada pegawai-pegawai untuk mendapat tahu apakah keadaan-keadaan paip di tempat-tempat yang berkenaan, selepas itu kita akan menukar paip itu. Sebab itu saya fikir tak payah kita adakah satu jawatankuasa atau unit khas mengenai rondaan kawasan tersebut dan ini akan menjimatkan wang Kerajaan.

### **AKTA KERJA 1955 DIPERLUASKAN KE SABAH/SARAWAK**

**10. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Buruh menyatakan tarikh Akta Pekerja 1955 akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak untuk melindungi kebajikan pekerja-pekerja di negeri-negeri tersebut.

**Datuk William Lye Chee Hien:** Tuan Yang di-Pertua, perbincangan terakhir dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak sedang dijalankan dan dijangka undang-undang Akta Kerja 1955 akan diperluaskan ke negeri-negeri berkenaan sebaik sahaja persetujuan dicapai kelak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.

*(Soalan No. 11 Y.B. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad tidak hadir)*

### **KADAR FAEDAH BANK DI LONDON**

**12. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kementerian sedar bahawa kadar faedah yang diterima dari akaun bank, Jabatan Penuntut Malaysia di London sangat rendah kalau dibandingkan dengan kadar faedah di pasaran pada masa ini. Jika sedar apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelaraskan kedudukan berdasarkan kepada pasaran pada masa ini.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tujuan Jabatan Penuntut Malaysia di London membuka akaun dalam bank yang dimaksudkan itu adalah sebenarnya untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh bank berkenaan bagi memudahkan bayaran biasiswa kepada penuntut-penuntut Malaysia yang berada di sekitar di United Kingdom. Jadi melalui perkhidmatan yang disediakan oleh bank ini, bank tersebut akan menghantar bankers' cheque kepada akaun-akaun bank semua penuntut-penuntut supaya penuntut-penuntut ini menerima elaun masing-masing pada tiap-tiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua, akaun ini sebenarnya merupakan satu akaun semasa yang mana sepatutnya sememang tidak menerima bayaran faedah. Jadi faedah yang ada walaupun rendah yang diterima sekarang ini adalah merupakan satu bonus sahaja, sebab seperti yang dikatakan tadi sepatutnya sebagai akaun semasa pada kebiasaannya tidak menerima sebarang faedah—pada kebiasaannya.

### **LEBUHRAYA BINATANG/ JULAU/SIBU**

**13. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar kedudukan Lebuhraya Binatang/Julau/Sibu bertambah buruk pada masa sekarang, lebuhraya ini berlumpur pada musim tengkujuh sedalam 2 hingga 3 kaki dan J.K.R. Sarawak tidak dapat mengatasi masalah ini. Adakah Kementerian ini bercadang supaya lebuhraya ini ditutup (sealed).

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa lebuhraya Binatang/Julau/Sibu ini adalah dalam keadaan yang tidak elok. Ini adalah kerana jalan ini telah dirosakkan oleh sebab adanya hujan yang tidak berhenti dalam masa tiga bulan yang lepas.

Saya telah dimaklumkan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak bahawa jalan ini akan dibaiki dengan segera apabila cuaca bertambah baik bagi memulakan kerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya juga telah dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan akan mengetarkan permukaan jalan ini dan kerja-kerja ini akan siap dalam tahun 1990.

### **SISWAZAH KEJURUTERAAN— TINDAKAN UNDANG-UNDANG**

**14. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa 25 orang siswazah kejuruteraan telah meninggalkan kursus diploma Pendidikan dan telah menghampakan negara bilakah tindakan undang-undang akan diambil kepada mereka supaya penuntut-penuntut yang dibiayai oleh Kerajaan tidak lagi engkar dengan kehendak Kerajaan.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan segera telah

diambil untuk mengemukakan kepada Peguam Negara supaya tindakan undang-undang diambil terhadap kesemua kes-kes 25 orang siswazah Kejuruteraan yang meninggalkan kursus Diploma Pendidikan. Bagi pelajar-pelajar lain yang bertujuan melanggar syarat-syarat perjanjian yang telah ditetapkan, kerajaan akan bertindak tegas sebaik sahaja diketahui mengenai perbuatan mereka. Perkara-perkara ini akan dirujuk kepada Peguam Negara apabila semua maklumat telah diperolehi.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ramai pemohon-pemohon yang mendapat biasiswa ini telah gagal mengikuti perjanjian-perjanjian asalnya.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu jelas apa dia perjanjian-perjanjian asal ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad.

*(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Koh Tsu Koon.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya terdapat satu kesilapan taip-menaip dalam soalan ini di barisan kedua iaitu "sekolah menengah rendah dan menengah atas" dan bukan "sekolah menengah dan rendah dan menengah atas". Diminta mengambil perhatian.

### **GURU-GURU DI SEKOLAH MENENGAH KEKURANGAN**

**16. Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada

wujudnya kekurangan guru di peringkat sekolah menengah dan rendah dan menengah atas (pada 1983 dan 1984). Kalau ada, berapa besarnya kekurangan dan dalam mata pelajaran apa. Adakah terdapat setengah negeri-negeri yang mengalami suatu kelebihan dalam penawaran guru-guru pada peringkat menengah. Kalau ada, apakah negeri-negeri ini dan mengapa. Berapakah guru-guru sementara yang diambil untuk mengajar bagi peringkat menengah untuk tahun 1983 dan 1984. Apakah langkah-langkah konkrit yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telahpun mengambil perhatian terhadap kesilapan ini. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak berlaku kekurangan guru di sekolah-sekolah menengah rendah dan atas pada tahun-tahun yang berkenaan. Apa yang berlaku ialah kekurangan guru buat sementara waktu, biasanya pada awal tahun. Setelah ditukarkan guru-guru terlatih ke sekolah-sekolah yang kurang guru atau/dan setelah dilantik guru-guru sementara, kekurangan ini tidaklah timbul lagi. Kebanyakan guru-guru sementara ini akan digantikan oleh guru-guru siswazah yang keluar secara berperingkat-peringkat dari universiti-universiti tempatan, iaitu pada bulan April, Julai dan Ogos.

Bilangan guru-guru sementara yang dilantik di sekolah-sekolah menengah bagi tahun 1983 dan 1984 adalah seperti berikut:

1983	1984
1,254	1,170

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini ialah:

1. Menambahkan penempatan guru-guru terlatih ke negeri-negeri yang banyak guru sementara.

2. Mengadakan pertukaran ke negeri-negeri yang cukup atau berlebihan guru terlatih.
3. Menggalakkan pertukaran ke negeri-negeri yang banyak guru sementara.
4. Menambah bilangan guru pelatih yang berasal dari negeri-negeri yang banyak guru sementara.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah menerangkan sebenarnya tidak ada kekurangan guru di sekolah menengah rendah dan sekolah menengah atas. Tetapi beliau mengaku juga bahawa terdapat kekurangan pada awal tahun.

Saya ingin bertanya awal tahun ini terlalu umum. Dalam tempoh berapa bulan yang dimaksudkan awal tahun itu sama ada sebulan, dua bulan atau tiga bulan, dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian supaya keadaan ini tidak berlanjutan? Kalau umpamanya sampai empat bulan kekurangan ini akan menjejaskan prestasi pencapaian kanak-kanak di sekolah.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, selalunya jawatan kosong ini digantikan dalam masa sebulan di mana-mana boleh dan saya pun telah menyebutkan langkah-langkah positif pun telah diambil untuk mengatasi masalah ini dan untuk maklumat Yang Berhormat, untuk tahun 1983 Kementerian Pelajaran telah melatih 5,749 guru-guru yang akan diisikan jawatan-jawatan berikut:

Sekolah menengah rendah—	2,589
Sekolah menengah atas —	1,377
Guru-guru yang mengadakan Diploma dalam Sains dengan Pendidikan —	448
General Degree —	1,335

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tadi Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kekurangan guru ini berlaku sementara lebih kurang sebulan atau dua bulan. Saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kekurangan sepatutnya tidak berlaku sebab walaupun setengah-setengah sekolah terdapat kekurangan guru tetapi kita difahamkan bahawa terdapat guru-guru selepas mendapat latihan daripada Maktab-maktab masih lagi tidak mengetahui di manakah mereka akan ditempatkan dan ini menyebabkan mereka berada di Jabatan-jabatan Pelajaran seperti Wilayah Persekutuan dan Kementerian Pelajaran.

Yang kedua tidakkah Kementerian merancang terlebih dahulu sebelum seseorang guru itu keluar ataupun tamat daripada latihan sejak mereka di dalam Maktab lagi supaya perkara seperti ini tidak berlaku lagi di masa-masa yang akan datang?

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil perhatian ke atas cadangan-cadangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

### **MINYAK SEBAGAI BARANG TERKAWAL**

**17. Tuan Karpal Sing** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan cadangan beliau untuk menjadikan minyak suatu barang terkawal memandangkan kepada harga barang tersebut yang melambung.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan di sini bahawa jawapan kepada soalan ini telahpun diberikan di Dewan ini semasa Kementerian saya menjawab soalan yang hampir sama

yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta pada 15hb. Mac, 1984. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

### **TOL—JUMLAH KUTIPAN**

**18. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah jumlah kutipan tol dari berbagai pintu tol sehingga tarikh 29hb. Febreruari, 1984 dan apakah langkah-langkah Kementeriannya bercadang akan ambil bagi memastikan bahawa lebuhraya-lebuhraya tersebut tahan dan selamat untuk kegunaan awam.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, pada masa ini kutipan tol dijalankan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia di kedua batang lebuhraya iaitu Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban dan Lebuhraya Slim River/Tanjong Malim.

Bagi Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban, kutipan tol telah dimulakan pada 16hb. Jun, 1982 dan jumlah kutipan semenjak tarikh ini sehingga 29hb. Februari, 1984 iaitu sebanyak \$19.9 juta.

Bagi Lebuhraya Slim River/Tanjong Malim pula Lembaga Lebuhraya Malaysia telah mula mengutip tol mulai daripada 1hb. Februari, 1983 dan jumlah kutipan semenjak tarikh ini sehingga 29hb. Februari, 1984 ialah sebanyak \$3.2 juta. Sebelum lebuhraya ini diserahkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia, kutipan tol telah dibuat oleh Kementerian saya mulai Mac, 1966 sehingga 31hb. Januari, 1983, dan jumlah kutipan pada tempoh tersebut ialah sebanyak \$28,742,314.50 sen.

Adalah menjadi tujuan Kerajaan supaya lebuhraya yang ditolkan itu adalah tahan dan selamat untuk kegunaan awam. Bagi maksud ini Kerajaan telah menubuhkan satu Badan



Berkanun iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia yang ditugaskan bagi membuat rekabentuk, membina dan menyelenggarakan lebuhraya-lebuhraya tol tersebut. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia itu ialah mengadakan penyelenggaraan jalan dari semasa ke semasa dan membaiki dengan serta merta segala kerosakan yang kecil-kecil.

Selain daripada itu Lembaga ini juga mempunyai jadual pemulihan kenaikan taraf menurap semula permukaan jalan dan mengadakan tanda-tanda dan lampu-lampu isyarat dan lain-lain alat keselamatan dengan secukupnya.

**Tuan Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar sebab-sebab besar lebuhraya kita selalu rosak ialah kerana adanya air bertakung di bawah lebuhraya-lebuhraya tersebut kerana tidak ada sistem perparitan di bawah tanah ataupun underground drainage system di bawah lebuhraya tersebut? Sekiranya itu benar, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan sistem perparitan ini?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, sistem perparitan itu bermakna sub-soil drainage, dengan izin, ada jugalah dikenakan dan di mana-mana sesuatu pihak akan membuat rekabentuk itu kita akan menggunakannya. Berkenaan dengan apa yang dikatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa lebuhraya-lebuhraya kita selalu rosak, itu saya tidak bersetuju.

#### **TAMAN MALURI/TAMAN EMAS— JALAN KELUAR MASUK**

**19. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengapa tiada jalan keluar-masuk (access road) ke Taman Bukit Maluri dan Taman Emas di Kepong walhal pada tahun lepas, beliau telah mengatakan bahawa pihak

JKR akan membuka balik jalan keluar-masuk yang lama ke Taman Emas. Mengapakah Kementerian beliau mengambil masa begitu lama untuk mengambil tindakan walaupun banyak surat-surat aduan telah dihantar oleh penghuni-penghuni di situ.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan jalan keluar-masuk ke Taman Bukit Maluri, pihak Kementerian saya terpaksa mengambil sedikit masa untuk mengubah simpang yang ada sekarang dan mengadakan lampu isyarat. Bagi maksud ini reka bentuk dan dokumen khas terpaksa diadakan terlebih dahulu.

Selain dari itu masalah pembayaran juga terpaksa diselesaikan yang mana mungkin sumbangan daripada pemaju perumahan yang berkenaan diperolehi sebelum kerja-kerja ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jalan masuk ke Taman Emas pula, beberapa masalah adalah sedang dihadapi. Adanya bangunan-bangunan yang sedia terletak di persimpangan jalan dan perlu dirobohkan terlebih dahulu sebelum jalan keluar-masuk di simpang boleh dibina.

Walau bagaimanapun, buat sementara waktu jalan masuk yang sementara akan dibina tidak lama lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya tidak ada apa-apa cadangan untuk menyegerakan kerja-kerja ini sebab semua penduduk di situ dan juga tuan-tuan punya kedai yang sedia ada di atas jalan adalah daripada golongan miskin. Saya kasihan kepada mereka itu lebih daripada kasihan kepada Ahli Yang Berhormat. Sebab itu saya katakan saya boleh memberi jalan yang lain, sehingga sudah dapat aliran yang baru, barulah kita akan buat jalan keluar masuk itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah

Yang Berhormat Menteri menyatakan bilakah jalan keluar masuk itu di Bukit Maluri dan Taman Emas itu boleh disediakan kerana ini sudah 4 tahun dan di Taman Emas sudah hampir 5 tahun?

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Masalah yang dihadapi bukan sahaja oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi penduduk-penduduk dari Taman Maluri, bukanlah satu masalah yang ditimbulkan oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri. Sebenarnya pihak yang meluluskan rancangan perumahan seperti itu mestilah mengenakan syarat sebelum mereka meluluskan pelan-pelan itu untuk mengadakan satu, "create seperate interchange" tetapi mereka tidak kenakan apa-apa syarat dalam meluluskan pelan itu.

Walau bagaimanapun, saya boleh berjanji kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini diharapkan kita boleh selesaikan rekabentuknya dalam tempoh 6-7 bulan, tetapi untuk memulakan kerja-kerja berkenaan kita mesti mengikut poket Pemaju Bukit Maluri dan Taman Emas, kalau mereka beri peruntukan kita boleh buat kerja segera tetapi kalau mereka tidak beri peruntukan, dukacita kita mesti mengambil masa sedikit lagi.

#### **KERETAPI TANAH MELAYU— PERUMAHAN SETINGGAN**

**20. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada memandangkan cadangan rancangan KTM mengarahkan 200,000 orang untuk keluar dari kawasan tanah KTM yang mereka duduki sekarang, adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menempatkan semula orang-orang ini di kawasan-kawasan lain.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, Keretapi Tanah

Melayu (KTM) tidak mempunyai rancangan tertentu untuk menempatkan semula setinggan-setinggan yang menduduki tanah-tanah KTM.

Walau bagaimanapun, pihak KTM sedang berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan untuk mendapatkan kerjasama bagi menyelesaikan masalah ini.

Buat masa ini KTM tidak mempunyai peruntukan kewangan untuk mengadakan sebarang rancangan perumahan alternatif.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ng Cheng Kuai.

*(Soalan No. 21 Y.B. Tuan Ng Cheng Kuai tidak hadir).*

#### **PENIAGA BUMIPUTERA— RANCANGAN MEMAJUKAN**

**22. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementeriannya berpuas hati dalam pencapaian peniaga-peniaga (traders) Bumiputera dalam perniagaan (trading). Jika tidak apakah rancangan Kementeriannya untuk menyegerakan perwujudan rangkaian peruncit, pengedar, pengimport dan pengilang Bumiputera.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, semenjak terlaksananya Dasar Ekonomi Baru, pengusaha-pengusaha Bumiputera telah meneroka ke beberapa bidang pengedaran barang-barang yang sebelumnya tidak terdapat penyertaan Bumiputera ataupun penyertaan Bumiputera tidak ketara.

Sehingga kini, pencapaian Bumiputera dalam bidang pengedaran ini adalah menggalakkan, walaupun saya mengakui bahawa penyertaan Bumiputera tidak menyeluruh ataupun tidak meliputi semua jenis barang.

Dengan yang demikian, banyak usaha-usaha masih perlu dipergiatkan untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyertaan dan penglibatan Bumiputera dalam bidang pengedaran sama ada di peringkat runcit, borong atau import-eksport memerlukan usaha bukan sahaja dari pihak Kerajaan, tetapi juga semua pihak termasuk pengusaha-pengusaha Bumiputera sendiri.

Selain daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, terdapat juga beberapa agensi lain Kerajaan seperti JPM, MARA, PERNAS, Bank Pembangunan, Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri dan lain-lain yang menyediakan pelbagai kemudahan untuk membolehkan Bumiputera menyertai kegiatan pengedaran. Kemudahan-kemudahan ini termasuklah kemudahan-kemudahan latihan, khidmat nasihat, ruang perniagaan, bantuan kewangan, maklumat-maklumat peluang perniagaan dan sebagainya. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini maka adalah diharapkan supaya Bumiputera akan lebih berkeyakinan untuk menceburi bidang-bidang yang belum pernah mereka ceburi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini adalah penting bagi pengusaha-pengusaha Bumiputera berusaha dengan gigih untuk menyertai bidang-bidang baru.

Saya yakin, agensi-agensi Kerajaan yang telah diberi tugas untuk membimbing Bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian akan sentiasa memberikan khidmat bimbingan dan tunjuk ajar kepada pengusaha-pengusaha yang memerlu-kannya.

Bidang import eksport adalah terbuka luas untuk diceburi oleh Bumiputera.

Adalah terpulang kepada Bumiputera untuk menetapkan jenis barang yang hendak mereka niagakan asalkan barang-barang yang berkenaan bukanlah barang-barang yang disekat import dan eksportnya oleh Kerajaan atas sebab-sebab tertentu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

*(Soalan No. 23 Y.B. Tuan Ling Sie Ming tidak hadir).*

### **AKTA KOLEJ DAN KOLEJ UNIVERSITI**

**24. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan rela memansuhkan Akta Kolej dan Kolej Universiti, dan jika tidak, mengapa begitu. Paling kurang, adakah terdapat ura-ura untuk mengecualikan para akademik daripada peruntukan-peruntukan Akta ini yang menghadkan kebebasan dan jika tidak, mengapa.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak rela untuk memansuhkan Akta tersebut. Ini adalah kerana perkembangan dan perjalanan universiti-universiti perlu dikawal supaya bukan sahaja untuk melicinkan pentadbiran dan pengurusan institusi-institusi pengajian tinggi, tetapi juga supaya perkembangan pengajian di peringkat universiti adalah terkawal mengikut dasar-dasar tertentu seperti penubuhan program akademik yang selaras dengan permintaan tenaga manusia, menggalakkan kelebihan (surplus) jumlah siswazah dalam negara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada cadangan untuk mengecualikan para akademik daripada peruntukan Akta ini kerana peruntukan-peruntukan yang ada sekarang ini berjalan dengan baik dan

tidak menyekat kebebasan dan aktiviti-aktiviti akademik kecuali aktiviti politik dan memang tidak digalakkan.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapakah bilangan pelajar dan kakitangan akademik yang telah didenda atau didisiplinkan mengikut Akta ini sejak ianya dikuatkuasakan dan atas apa-apa sebab.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini saya tidak ada maklumat berkenaan bilangan mahasiswa dan jumlah kakitangan yang telah dikenakan tindakan kerana terlibat dengan Akta ini tetapi saya akan menyasiat dan memberitahu dengan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah jawapan tadi berkenaan dengan kelicinan pengurusan dan sebagainya berpunca daripada usaha Naib-naib Canselor sahaja ataupun daripada punca-punca lain. Bolehkah Ahli Yang Berhormat mengadakan dialog atau mesyuarat dengan mahasiswa dan mahasiswi untuk memastikan sama ada mereka hilang kebebasan?

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sesuatu orang baik pun mahasiswa-mahasiswi atau pensyarah-pensyarah di dalam universiti yang telah hilang kedudukan kebebasan mereka di bawah perjalanan Akta ini. Untuk hubungan yang lebih rapat antara pentadbiran universiti dengan mahasiswa-mahasiswi, universiti-universiti tempatan pun telah adakan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar untuk mengadakan forum di mana berdua-dua pihak selalu dan sentiasa mengadakan dialog untuk mengatasi masalah dan juga mendengar pandangan-pandangan dari mahasiswa-mahasiswi.

## SPORTS TOTO—KUTIPAN

**25. Tuan Quah Wee Liam** minta Perdana Menteri menyatakan sejak tertubuhnya Sports Toto:

- (a) berapa banyakah wang telah dikutip;
- (b) jumlah cukai yang dibayar kepada Kerajaan; dan
- (c) jumlah yang telah dibayar kepada berbagai Agensi Sukan bagi meninggikan mutu sukan di negara ini.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

- (a) Jumlah jualan bagi tempoh 1969 hingga tahun 1983 ialah \$362,426,095.00.
- (b) Jumlah cukai bagi tempoh 1969 hingga tahun 1983 ialah \$54,915,070.82.
- (c) Jumlah wang yang dibayar kepada berbagai agensi sukan bagi tempoh 1969 hingga 1983 ialah \$6,101,145.07.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 5, 11, 15, 21 dan 23 adalah diberi di bawah ini).*

## KONTRAKTOR ASING BAWA BALIK KEUNTUNGAN

**3. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kontraktor-kontraktor asing bebas membawa balik ke negara mereka keuntungan yang mereka memperolehi di sini tanpa apa-apa halangan.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Kontraktor-kontraktor asing yang mendapat kontrak di negeri ini tidak dikenakan apa-apa syarat khas berhubungan dengan keuntungan daripada kontrak-kontrak yang dimenangi mereka.

### HARGA MINYAK MASAK

**5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah keupayaan semua kilang minyak masak seluruh negara boleh menapis/mengeluarkan minyak masak untuk keperluan pengguna-pengguna bagi tahun 1983. Nyatakan kedudukan harga minyak itu secara terperinci bagi tahun itu dan bagi bulan Januari dan Februari, 1984. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan bahawa bekalan minyak masak mencukupi.

**Tuan Oo Gin Sun:** Saya ingin memaklumkan di sini bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberikan di Dewan ini semasa Kementerian saya menjawab soalan yang hampir sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta pada 15hb. Mac, 1984. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

### BALAI BOMBA BARU PASIR PUTIH

**11. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah bangunan bomba dan peralatan yang baru akan dilaksanakan di Daerah Pasir Puteh.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Kementerian saya tidaklah dapat menentukan bilakah bangunan Balai Bomba baru bagi Pasir Puteh dibina untuk menggantikan bangunan yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, Jabatan Bomba telah memohon peruntukan di bawah RME untuk membina 101 balai Bomba di Malaysia, termasuklah Balai Bomba Pasir Puteh, tetapi hanya 26 projek sahaja yang diluluskan dan 13 daripadanya ialah projek sambungan daripada RMT. Permohonan untuk membina balai bomba di Pasir Puteh itu tidak diluluskan di bawah RMÉ. Dengan itu, Jabatan Bomba bercadang memasukkan projek pembinaan Balai Bomba di Pasir Puteh ke dalam Rancangan Malaysia Kelima. Perlu dimaklumkan di sini bahawa Jabatan Bomba sedang berunding untuk membeli tanah seluas 3 ekar bagi tapak balai bomba baru di Pasir Puteh untuk rumah kakitangan, padang kawad, pejabat dan ruangan Kereta Bomba.

Berkenaan dengan kereta bomba pula, Jabatan Bomba telah memperuntukkan satu kereta bomba baru jenis bertangki 400 gelen berharga \$210,000 ke Balai Bomba Pasir Puteh dan satu van Mazda baru berharga \$14,900. Kereta bomba tersebut dilengkapi dengan alat-alat perkakas yang secukupnya.

### PELAJAR PERUBATAN MALAYSIA KE BANGLADESH

**15. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan nasib pelajar-pelajar perubatan kita di Bangladesh yang dihantar oleh JPA di Kolej-kolej Perubatan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan. Bagaimana perkara yang seumpama ini boleh berlaku dan apakah jaminan-jaminan supaya perkara yang seumpama ini tidak berulang lagi.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kursus perubatan, Kerajaan Malaysia hanya mengiktiraf sebuah kolej perubatan sahaja di Bangladesh iaitu Dacca Medical College. Mengikut persefahaman dengan Kerajaan

Bangladesh, semua pelajar anjuran Kerajaan akan ditempatkan di Dacca Medical College, termasuk pelajar-pelajar yang telah ditempatkan di kolej-kolej yang tidak diiktiraf iaitu Chittagong Medical College, Mymensingh Medical College, Sylhet Medical College dan Rajshashi Medical College. Kerajaan telah menghantar satu rombongan pegawai (termasuk pakar-pakar perubatan di negeri ini) dalam bulan November, 1981 untuk menilai kursus perubatan yang disediakan oleh kolej-kolej yang tidak diiktiraf itu dan memutuskan bahawa pengiktirafan kolej-kolej berkenaan tidak berbangkit.

Walau bagaimanapun Kerajaan Malaysia, melalui perwakilan kita di Dacca, telah mengadakan rundingan dengan Kerajaan Bangladesh supaya membenarkan pelajar-pelajar anjuran Kerajaan itu dipindahkan daripada kolej-kolej yang tidak diiktiraf ke Dacca Medical College.

#### **LAMPU Pendaratan LAPANGAN Terbang**

**21. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) Lapangan terbang-lapangan terbang yang dilalui oleh MAS yang belum dilengkapi dengan lampu-lampu pendaratan waktu malam;
- (b) Kos anggaran untuk kelengkapan lampu-lampu pendaratan waktu malam di lapangan terbang-lapangan terbang masing-masing; dan
- (c) Sama ada beliau akan memperkenalkan penerbangan-penerbangan bagi sektor Kuala Lumpur/Ipoh/Kuala Lumpur pada waktu malam tidak lama lagi; jika tidak apakah sebabnya.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:**

(a) Kesemua lapangan terbang-lapangan terbang yang dilalui oleh MAS telah dilengkapi dengan lampu-lampu landasan untuk pendaratan waktu malam ataupun sedang dalam peringkat terakhir pemasangan lampu-lampu tersebut, kecuali Lapangan Terbang Melaka, Sandakan, Lahad Datu dan landasan-landasan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Lapangan terbang-lapangan terbang yang mempunyai pendaratan waktu malam pada masa ini ialah:

- (i) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.
- (ii) Lapangan Terbang Sultan Ismail, Johor Bahru.
- (iii) Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.
- (iv) Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Star.
- (v) Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu.
- (vi) Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.
- (vii) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.
- (viii) Lapangan Terbang Kuantan.
- (ix) Lapangan Terbang Ipoh.

Lapangan terbang-lapangan terbang di mana pemasangan lampu-lampu sudah hampir siap dan akan dapat digunakan setelah menjalani ujian kalibrasi ialah:

- (i) Lapangan Terbang Labuan.
- (ii) Lapangan Terbang Tawau.

(iii) Lapangan Terbang Sibü.

(iv) Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu.

Bagaimanapun perlu saya jelaskan bahawa sungguhpun lampu-lampu landasan dipasang, ada di antara lapangan terbang-lapangan terbang ini seperti Ipoh, Tawau dan Sibü yang hanya membolehkan operasi waktu senja sahaja kerana keadaan fizikal di kawasan lapangan terbang berkenaan adalah merbahaya bagi pendaratan waktu malam.

(b) Kos untuk melengkapkan lapangan terbang-lapangan terbang yang berkenaan adalah berbeza di antara satu sama lain. Di antara faktor-faktor utama yang menentukan kos pemasangan lampu-lampu landasan adalah seperti panjangnya landasan dan jenis kuasa lampu-lampu landasan yang dipasang. Bagi lapangan terbang-lapangan terbang yang dalam peringkat terakhir kerja-kerja pemasangan kosnya adalah seperti berikut:

(i) Lapangan Terbang Labuan sebanyak \$864,666.00.

(ii) Lapangan Terbang Tawau sebanyak \$570,155.00.

(iii) Lapangan Terbang Sibü sebanyak \$679,288.00.

(iv) Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu sebanyak \$800,000.00.

(c) Penerbangan bagi sektor Kuala Lumpur/Ipoh/Kuala Lumpur pada waktu malam tidak boleh diadakan kerana di Lapangan Terbang Ipoh terdapat halangan-halangan fizikal seperti bukit-bukit di sekitar kawasan yang

membahayakan operasi penerbangan pada waktu malam. Lampu-lampu landasan yang telah dipasang adalah cuma untuk membantu pergerakan pesawat di waktu senja sahaja.

### PEPERIKSAAN STPM— SIASATAN KEBOCORAN

23. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada siasatan ke dalam pembocoran kertas-kertas STPM telah siap dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah peristiwa seumpama itu dari berulang lagi.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:** Pihak Polis masih meneruskan penyiasatan kes kebocoran kertas-kertas soalan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 1983. Penyiasatan ini belum selesai oleh kerana pihak Polis memerlukan masa yang cukup disebabkan perkara ini adalah suatu kes yang rumit dan melibatkan proses yang kompleks.

Di samping itu Majlis Peperiksaan Malaysia juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji kebocoran ini. Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menyiasat sebab-sebab kebocoran di samping membuat perakuan untuk menjamin tidak berulang lagi peristiwa seumpama ini.

### USUL

#### KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT (1981-1985)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,

“Bahawa Dewan ini,

*menyedari* kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan

tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat;

*bersetuju* dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan;

*meluluskan* dan *menyetujui* Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 13 Tahun 1984.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh." (29hb Mac, 1984).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mempersilakan Yang Berhormat wakil dari Lambir menyambung.

4.05 ptg.

**Dr George Chan Hong Nam (Lambir):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melanjutkan ucapan saya. Kelmarin sebelum mesyuarat ditangguhkan, saya menyentuh tentang perkhidmatan perubatan khasnya di peringkat kepakaran. Sepertimana saya mengatakan kelmarin, negara kita masih menghadapi kekurangan kemudahan-kemudahan untuk rawatan perubatan di peringkat kepakaran. Oleh yang demikian saya berharap kemudahan-kemudahan bagi rawatan pakar-pakar atau specialist treatment, misalnya, Unit Cardiology, Unit Urology dan Nefrology dan sebagainya

dalam Hospital Besar, Kuala Lumpur dan Hospital Universiti harus dikaji semula sebagaimana mereka boleh ditambahkan serta dipermodernkan.

Dalam hubungan ini saya harap pihak Kementerian Kesihatan akan meningkatkan tahap Hospital Umum di Kuching menjadi sebuah hospital mengajar dan melengkapkannya dengan alat-alat yang perlu. Sebenarnya saya sudah pun bercakap dan memberi alasan-alasan mengenai perkara ini dahulu. Oleh itu saya rasa tidaklah perlu bagi saya membuang masa Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membincangkan lagi perkara yang sama. Sebaliknya adalah juga baik kalau saya mengulangkan isu ini setiap kali sehinggalah permohonan yang saya kemukakan itu dilulus untuk menutupkan mulut saya menyebutnya di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah sistem Kerajaan Persekutuan perhubungan baik di antara Kerajaan Pusat dan Negeri adalah amat penting supaya pentadbiran Kerajaan dapat dijalankan dengan licin, cekap dan teratur. Rakan-rakan sejawat saya di Dewan Undangan Negeri telah pun mengkritik Kerajaan Persekutuan di mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang lalu. Oleh itu saya harap segala teguran yang telah mereka kemukakan itu tidak akan diketepikan dan tindakan wajar untuk membetulkan keadaan akan diambil.

Sehubungan dengan perkara perhubungan Persekutuan-Negeri atau Federal-State relations saya ingin bercadang bahawa lebih banyak dialog dan perbincangan berdasarkan, dengan izin, person-to-person level harus diadakan di antara pemimpin-pemimpin Persekutuan dan Negeri Sarawak. Saya yakin bahawa dengan adanya lebih banyak dialog atau perbincangan atau consultation dan bertolak ansur segala urusan Kerajaan dapat dijalankan dengan licin dan cekap dan apa-apa



masalah yang dihadapi boleh juga diselesaikan dengan cepat. Pentadbiran Kerajaan Pusat dan Negeri haruslah mengandungi unsur-unsur personal touch dan bukan secara, dengan izin, menggunakan remote control ataupun terlalu birokratik. Di antara unsur-unsur positif atau perkara yang penting patut diserapkan di dalam pentadbiran Kerajaan ialah semangat atau perasaan kasih sayang. Apabila kami dalam kesedihan kesakitan haraplah tunjukkan bahawa anda juga mengambil berat dan turut sama dukacita terutama sekali apabila ianya melibatkan Ketua Negeri Kami.

Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya memperhatikan bahawa ada segolongan kecil pegawai Persekutuan kanan yang berkhidmat di negeri Sarawak yang bersikap angkuh atau arrogant dan menganggap mereka lebih besar atau superior daripada pegawai-pegawai tempatan. Ada yang tidak mengambil peduli untuk mengadakan courtesy call kepada pihak Kerajaan Negeri yang berkenaan apabila mereka membuat lawatan-lawatan rasmi ke negeri Sarawak. Bilangan yang bersikap demikian nasibnya sangat-sangat kecil sahaja. Walau bagaimanapun perbuatan mereka itu boleh mencemarkan nama baik pegawai-pegawai Persekutuan dan mengakibatkan perselisihan faham di antara pentadbiran Kerajaan Negeri dan Persekutuan seperti kata peribahasa "sebab nila setitik, rosak susu sebelanga".

Tuan Yang di-Pertua, ketika kita membuat Kajian Semula atas Rancangan Malaysia Keempat, kita juga harus mengambil perhatian tentang penghijrahan penduduk-penduduk dari luar bandar ke bandar. Kadar penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar (rural-urban migration) telah meningkat ke paras yang tinggi beberapa tahun baharu-baharu ini, khususnya di antara golongan belia. Apakah faktor-faktor tolak dan tarik

(push and pull factors) yang menyebabkan penghijrahan tersebut berlaku. Apakah akibat sosial ekonomi yang akan berlaku jika kadar penghijrahan tersebut semakin hari semakin meningkat. Apakah langkah-langkah positif yang harus diambil untuk menyelesaikan masalah itu. Soal-soal ini harus dikaji secara mendalam.

Pada pendapat saya salah satu langkah positif yang harus diambil ialah untuk mengadakan satu rancangan urbanisasi luar bandar (rural urbanisation programme). Rancangan ini harus meliputi rancangan-rancangan untuk mengadakan industri-industri kecil, pembangunan pertanian dan menggunakan teknik moden, misalnya, mechanisation, menubuhkan pusat pertumbuhan baharu (new growth centres), misalnya, mengadakan pekan di kampung-kampung serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan moden seperti bekalan air, elektrik dan sebagainya. Untuk mengkaji, merancang dan melaksanakan rancangan tersebut, saya ingin mengesyorkan kepada satu jabatan khas harus ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, saya ingin mengesyorkan bahawa segala peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat harus dikaji semula dengan mendalam. Saya berharap bahawa permintaan-permintaan untuk menambahkan peruntukan-peruntukan bagi beberapa aspek pembangunan di negeri Sarawak sepertimana yang saya katakan tadi dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya, dan bukan secara halus diketepikan. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kapit.

4.14 ptg.

**Datuk Leonard Linggi anak Jugah (Kapit):** Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Pembangunan Malaysia

Lima Tahun adalah janji-janji yang diberi oleh Kerajaan kepada rakyat untuk membasmi kemiskinan dan untuk menyusun semula masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian, maka kemajuan atau kegagalan rancangan ini mempunyai kesan yang besar kepada Kerajaan dan juga rakyat.

Saya menganggap bahawa adalah sangat penting Pengkajian Semula Rancangan Malaysia Keempat yang sedang dijalankan di dalam George Orwell tahun 1984 iaitu tahun yang serba kekurangan dalam sumber-sumber ekonomi akibat kemelesetan ekonomi dunia. Ini akan memaksa Kerajaan untuk berbelanja dengan cermat dan memberi keutamaan (priority) yang betul di dalam strategi pembangunan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kemiskinan masih terdapat di Malaysia. Mengikut angka-angka rasmi, purata kemiskinan 42.8 peratus daripada rakyat di Semenanjung Malaysia masih di bawah garis kemiskinan, 77.6 peratus petani dan 72.8 peratus nelayan masih hidup dalam kemiskinan. Janji untuk menghapuskan kemiskinan masih belum lagi dapat dilaksanakan setakat ini.

Izinkan saya menimbulkan di sini kekeliruan yang wujud di kalangan orang ramai termasuk beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang menganggap bahawa Dasar Ekonomi Baru mesti berakhir pada tahun 1990. Saya belum lagi mendapat memahami kenapa ianya mesti berakhir pada tahun tersebut kalau kita belum lagi dapat mencapai objektif kita untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat. Didapati sekarang ada golongan-golongan tertentu yang telah memilih untuk mengenyepikan kenyataan bahawa terdapat kurang lebih 42.8 peratus penduduk, kebanyakannya di kawasan luar bandar masih hidup di bawah garis kemiskinan. Angka ini hanya menggambarkan kedudukan di Semenanjung Malaysia.

Angka-angka yang terdapat setakat ini menunjukkan yang keadaan di Sarawak lebih buruk lagi. Oleh yang demikian, kita seharusnya faham bahawa tema asas Dasar Ekonomi Baru dan jangkamasa yang tetap tidak dapat ditentukan kalaulah sebab-sebab tertentu keluar daripada kuasa kita. Usaha-usaha kita akan gagal untuk mencapai matlamat yang dihendaki dalam tempoh masa yang ditetapkan. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa usaha untuk membasmi kemiskinan tidak boleh dikaitkan dengan masa yang terhad.

Matlamat Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat menerusi proses pembasmian kemiskinan yang menyeberangi garisan perkauman, dan kawasan hendaklah diteruskan, dengan tidak mengambil kira jangka masa yang digunakan. Saya mencadangkan supaya DEB (Dasar Ekonomi Baru) hendaklah digantikan dengan nomenclature yang lebih sesuai, Dasar Ekonomi Nasional, walaupun ianya tidak melibatkan apa-apa pertukaran dalam isi kandung dasar itu. Kemiskinan di Malaysia tidaklah begitu buruk dan tidak semestinya termasuk kebuluran seperti di Bangladesh atau India. Kemiskinan dari segi takrif kita hendaklah dipandang dari segi kekurangan keperluan asas (basic needs) dan kemunduran dari segi perkembangan ekonomi setiap individu atau seunit keluarga dalam lingkungan satu kawasan yang tertentu ataupun pekerjaan. Sebahagian besar kewangan awam telah dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga dan matlamat-matlamat yang telah dicapai hanya mempunyai kesan yang sedikit dalam usaha membasmi kemiskinan.

Mungkin kita perlu bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kepada diri kita sendiri, sama ada kita sudah benar-benar tahu sebab-sebab terdapat kemiskinan di kalangan masyarakat kita. Seperti kata pepatah Ingeris "A solution to a problem is to tackle it at its roots", kita

mesti mengenal dan meneliti sebab-sebab terdapat kemiskinan di negara kita.

Pengetahuan mengenal di mana masalah-masalah itu wujud boleh menjadi satu asas strategi Kerajaan untuk membasmikan kemiskinan. Ini bermakna bahawa Kerajaan harus membuat, kalau belum dijalankan, kajian yang mendalam ke atas sebab-sebab asas bandingkan maklumat mengenainya kawasan demi kawasan dan sektor demi sektor dan seterusnya membuat cadangan-cadangan yang boleh menjadi asas strategi untuk membasmikan kemiskinan.

Ongkos pelaksanaan projek-projek tertentu yang bertujuan untuk membasmikan kemiskinan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga adalah hampir \$7 billion—satu jumlah yang sangat besar. Di bawah rancangan pembangunan sekarang \$6.7 billion telah pun diperuntukkan. Dalam masa kita menghadapi kekurangan, Kerajaan mestilah berhati-hati untuk menentukan supaya sumber kewangan kita adalah digunakan dengan betul untuk mencapai hasil yang paling baik.

Dalam kita sedang menghadapi sumber kekurangan Kerajaan seharusnya mengatur semula keutamaan-keutamaan (priorities) pembangunan kita. Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru prioriti kepada skim pembangunan tanah patutlah ditekankan dengan membuka banyak lagi skim-skim pembangunan tanah, lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan yang dilanda kemiskinan atau di kawasan-kawasan yang belum lagi dibangunkan.

Saya berpendapat bahawa adalah tepat pada masanya bagi agensi-agensi Kerajaan yang besar seperti FELDA dan FELCRA untuk meluaskan kegiatan-kegiatan ke Sarawak. Saya percaya pegawai Persekutuan dan Negeri mempunyai kebolehan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang

mungkin timbul dalam usaha untuk mempercepatkan penglibatan kedua-dua agensi dalam pembangunan tanah di Sarawak untuk keuntungan semua pihak lebih-lebih lagi petani-petani di kawasan pendalaman.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kebanyakan penduduk di luar bandar di Sarawak, lebih-lebih lagi di kalangan rakyat Bumiputera yang bukan Islam, adalah dalam keadaan yang sangat mencemaskan. Mereka ini hidup dalam kemiskinan dalam pemerintahan Rajah Brookes, hidup dalam kemiskinan dalam pemerintahan penjajahan British dan masih lagi hidup dalam kemiskinan selepas kemerdekaan 20 tahun. Keadaan serba kekurangan yang terus wujud di kalangan penduduk-penduduk di luar bandar mempunyai implikasi yang serius dari segi politik, dari segi sekuriti, dari segi sosial dan ekonomi. Saya khuatir kalau-kalau kemiskinan ini berterusan, ianya boleh melemahkan stability politik dan perpaduan negara, faktor-faktor yang sangat penting dalam pembangunan sosio-ekonomi negara kita.

Seperti yang kita semua sedar mangsa-mangsa kemiskinan adalah lebih senang dipengaruhi atau diindoktrinasikan oleh pihak komunis. Oleh yang demikian maka wujudnya kestabilan politik dan pembangunan sosio-ekonomi adalah benteng bagi melawan komunisma. Memang boleh diakui kemajuan telah dicapai menerusi pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan tetapi masih terdapat sebahagian besar penduduk kita masih hidup di bawah garisan kemiskinan. Saya tidaklah dapat menafikan ada kemungkinan rakyat kita dalam kawasan yang terpencil di Sarawak yang hidup dalam kebuluran. Bagi saya adalah jelas Kerajaan berkehendakkan satu kajian yang mendalam dan yang terperinci ke atas keadaan satu-satu masyarakat di kalangan penduduk-penduduk luar bandar di Sarawak

dengan tujuan untuk memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan juga untuk mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dengan cara pembangunan bersepadu (integrated development approach).

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengkaji suasana di luar bandar di Sarawak sekarang, kita mungkin mendapati keadaan yang sungguh menyedihkan. Kerajaan mesti berjaga-jaga terhadap pembangunan yang mempunyai berunsur sedikit demi sedikit (piecemeal development) ataupun bergantung sepenuhnya kepada rancangan projek kecil luar bandar untuk memenuhi kehendak-kehendak pembangunan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pemberian subsidi pertanian yang berongkos berjuta-juta ringgit dengan tidak mengambil kira pengeluaran hasil adalah tindakan yang merugikan. Saya bercadang supaya selain daripada subsidi, Kerajaan seharusnya memberi insentif pengeluaran. Ini akan menghadkan salahguna subsidi dan boleh meningkatkan produktiviti. Jentera pentadbiran Kerajaan mestilah disesuaikan untuk menjalankan tugas yang sedemikian. Selain daripada itu kita perlukan pegawai-pegawai yang taat dan cekap untuk mengawal di peringkat pelaksanaan dan mengikuti segala perkembangan yang dicapai.

Saya terangkan terdahulu dari ini mengenai pentingnya pengesanan perkembangan projek. Ternyata bahawa sistem yang ada pada masa ini perlu diperbaiki. Saya bercadang bagi projek-projek di bawah Dasar Ekonomi Baru khususnya bagi projek yang bertujuan memperseimbangkan pembahagian peluang-peluang dan Kerajaan menubuhkan Agensi Pengesanan Pusat (Central Monitoring Agency) yang diketuai oleh pegawai tertinggi Kerajaan, adalah dianggap sesuai supaya ianya setaraf dengan jawatan

Ketua Pengarah Audit untuk mengkritik apa-apa jua kelemahan dan memberi apa jua cadangan pembedulan. Agensi seperti itu mestilah dipertanggungjawabkan terus kepada Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, proses membasmi kemiskinan memerlukan Kerajaan memberi keutamaan (priority) yang lebih tinggi dalam rancangan pembangunan kita terhadap pemeliharaan kesihatan (health care). Adalah amat dikesali bahawa peruntukan bagi bidang kesihatan telah berkurangan sejak Rancangan Malaysia Kedua dari 6.7% bagi tahun 1961-1965 kepada 1.4% bagi Rancangan Malaysia Keempat. Saya mendesak supaya Kementerian Kesihatan menyemak semula strateginya.

Memandangkan bahawa masih terdapat kekurangan dari segi kemudahan kesihatan di luar bandar, maka adalah amat perlu memberi penekanan yang lebih terhadap perkhidmatan kesihatan luar bandar dengan membuat peruntukan yang lebih sebagai satu cara untuk menambah liputan perkhidmatan kesihatan di luar bandar. Saya juga ingin sekali lagi merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya membuat jadual yang tetap dan teratur bagi pelaksanaan polisinya untuk menyediakan sebuah hospital di tiap-tiap daerah di negeri Sarawak. Tanpa jadual yang tetap Kementerian akan menghadapi kesukaran untuk mengesan perkembangan dalam liputan perkhidmatan kesihatan di seluruh negara.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, di atas nama integrasi nasional dan di bawah tajuk Penyatuan Berbagai Golongan Masyarakat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 28 muka 13 dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, saya ingin merayu kepada Kementerian Pelajaran dan kepada Menteri Pelajaran

supaya menimbang semula keputusannya hendak menanggukkan implementasi Universiti Pertanian Bintulu. Kampus Bintulu bukan sahaja memberi faedah kepada penuntut-penuntut di Sarawak, ianya juga memberi peluang bagi penuntut-penuntut dari Semenanjung dan Sabah untuk belajar di Bintulu. Penuntut-penuntut ini akan hidup dan belajar bersama dan mereka akhirnya akan sedar bahawa wujudnya banyak persamaan dan sedikit sahaja perbezaan di antara cara hidup masyarakat orang Sarawak dan masyarakat orang Semenanjung. Institusi seperti kampus Universiti Pertanian Bintulu akan memberi kesan faedah yang berpanjangan dalam mewujudkan persefahaman di kalangan berbagai masyarakat dan juga selanjutnya mempercepatkan proses penyatuan berbagai golongan masyarakat di negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ulu Muda.

4.30 ptg.

**Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi bersama-sama membahaskan ucapan pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang telahpun dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kelmarin.

Setelah meneliti sebahagian besar daripada ucapan yang telah disampaikan itu saya mengambil kesimpulan bahawa tujuan utama kajian separuh penggal ini dibuat adalah untuk mengkaji prestasi Kerajaan dalam pembangunan selama tiga tahun yang lalu. Keduanya, bagi meneliti, mengkaji masalah-masalah yang mungkin dihadapi di dalam soal pembangunan untuk diselesaikan supaya Kerajaan dapat dengan baik melaksanakan semua program pembangunan demi untuk kepentingan negara dan penduduk-penduduk di negara ini.

Saya selaku Ahli Parlimen dari Ulu Muda yang merangkumi dua daerah di negeri Kedah iaitu daerah Pendang dan Sik yang telahpun diakui sebagai dua daerah daripada enam daerah yang termiskin dalam Malaysia akan melihat daripada perspektif kemiskinan ini di dalam membincangkan soal Kajian Separuh Penggal Pertama Rancangan Malaysia Keempat, supaya kita dapat bersama-sama melihat sedikit sebanyak perkara-perkara yang boleh dilakukan mengikut asas-asas yang telah digariskan di dalam Dasar Ekonomi Baru. Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kapit supaya nama Dasar Ekonomi Baru ini boleh ditukar kepada satu nama yang lain, Dasar Ekonomi Nasional ataupun Dasar Ekonomi Kebangsaan, kerana pada nama inipun boleh melambangkan satu perkara yang tidak elok kepada setengah orang.

Walau macam manapun saya berpendapat bahawa Dasar Ekonomi Baru ini walaupun tarikh akhirnya ialah tahun 1990 yang mana 6 tahun lagi akan menjelang tempoh akhirnya. Tetapi saya berpendapat bahawa pada masa ini masih terlalu awal bagi kita untuk menerima ataupun mengeluarkan pendapat untuk memanjangkan tempoh Dasar Ekonomi Baru itu. Apa yang penting, apa yang mustahak ialah seperti mana saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam dalam Dewan yang mulia ini ialah kuat kerja, kerja lebih keras daripada semua peringkat Kerajaan dan juga ahli-ahli masyarakat supaya cita-cita yang digariskan di dalam Dasar Ekonomi Baru itu tercapai. Jangan kita terlalu leka setelah kita bercadang untuk memanjangkan tempoh dasar Ekonomi Baru itu maka segala-galanya akan mula diperlahankan maka kita akan menghadapi satu masalah lain yang akan dihadapi oleh pihak Kerajaan dan pihak rakyat pula mungkin akan berpendapat bahawa Kerajaan akan sentiasa membantu menyuap, memberikan semua hal yang dipohon

oleh mereka dan juga sektor-sektor yang dipertanggungjawabkan untuk mengambil bahagian di dalam usaha untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru ini tidak dengan sepenuhnya mengambil bahagian dalam usaha untuk menjayakannya.

Telah saya sebutkan tadi bahawa saya akan lebih banyak membicarakan soal kemiskinan. Sebagai sebuah negeri yang nombor dua termiskin sekarang ini iaitu negeri Kedah yang telahpun saya sebutkan tadi telah diakui oleh pihak Kerajaan di mana 6 daripada 11 daerah adalah daerah-daerah yang termiskin sekali di dalam negara ini. Kemiskinan ini satu perkara yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat bukanlah satu kemiskinan yang mutlak. Kita mengakui bahawa kemiskinan yang wujud dalam negara ini bukanlah satu kemiskinan yang mutlak, tetapi hakikatnya wujud manusia-manusia yang miskin di dalam negara ini sama ada manusia itu tinggal di bandar ataupun di luar bandar, sama ada sebagai petani ataupun nelayan. Itu adalah satu hakikat yang perlu diterima oleh Kerajaan dan perlu diterima oleh seluruh masyarakat Malaysia ini.

Dalam soal kemiskinan ini dikatakan berkait rapat dengan agihan pendapatan. Satu putaran yang selalu disebut sebagai putaran ganas kemiskinan, yang menyebabkan satu keluarga itu akan bersambung-sambung kemiskinannya daripada bapa diwariskan kepada anak. Inilah satu persoalan, satu perkara yang perlu difikirkan bagaimanakah Kerajaan boleh membantu dan berusaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan yang ada sekarang ini. Kita tidak perlu lagi banyak berdebat, banyak merancang persoalan-persoalan mengenai siapakah yang miskin, apakah sebabnya perkara itu berlaku. Pada tarikh ini apa yang perlu dilakukan ialah melaksanakan projek-projek yang dianggap perlu bagi mengurangkan kadar kemiskinan ini dan akhirnya kita akan cuba untuk menghapuskan terus kalau boleh

masalah kemiskinan yang ada pada kita. Kalau sekiranya kita mempunyai kesanggupan, Kerajaan mempunyai kesempatan dan keupayaan setelah ekonomi negara kita pulih bagi menjalankan kegiatan-kegiatan yang lebih banyak di dalam soal pembasmian kemiskinan.

Di dalam soal kemiskinan ini saya telah nampak satu kejujuran pada pihak Kerajaan yang telahpun membentangkan satu kenyataan hidup yang memang benar-benar wujud dalam negara ini. Satu kenaikan, walaupun kecil, satu perbezaan di antara tahun 1980-1983 menunjukkan sedikit kenaikan daripada 29% kepada 30.3% menunjukkan keikhlasan Kerajaan di dalam usaha agar kesedaran ini timbul di kalangan ahli-ahli masyarakat.

Dengan sebab itu saya rasa Kerajaan telah pun mengeluarkan kenyataan, mengeluarkan angka-angka yang menunjukkan keadaan sebenar yang berlaku dan di samping itu kita mohon kepada Kerajaan supaya dapat mengambil tindakan-tindakan perlu supaya ianya dapat diatasi.

Saya tidak dapat bersetuju dengan satu andaian yang dikemukakan dalam Dewan ini mengatakan satu orang yang mempunyai pendapatan \$200 sebulan itu adalah lebih kaya daripada seorang yang lain yang berpendapatan \$600 sebulan sedangkan ia terpaksa membayar sewa rumah dan membayar perkara-perkara lain yang diperlukan. Kerana ini satu tafsiran kiraan ilmu hisab yang terlalu ideal, menolak baki yang tinggal tanpa mengira faktor-faktor sosial yang lain. Taraf penggunaan yang boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada ukuran-ukuran kemiskinan, angka yang melebihi sebagai perbandingan yang diperolehi ialah menunjukkan satu perbezaan, iaitu sudah pasti yang berpendapatan \$200 sebulan itu kita anggap mesti lebih miskin daripada yang berpendapatan

\$600 walaupun perbelanjaan bulanan-nya melebihi pendapatannya. Itu menunjukkan kepandaiannya di dalam usaha dia sendiri untuk menggunakan perolehan pendapatannya.

Saya tidak bersetuju dengan pandangan ini supaya ianya tidak menimbulkan satu gambaran yang tidak sempurna maka kita mestilah memikirkan bahawa jumlah atau angka-angka yang diperolehi itu mestilah diambil kira sebagai petunjuk-petunjuk untuk melihat masalah kemiskinan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyebutkan satu konsep baru di dalam perladangan. Beliau telah menyebutkan cadangan untuk mengadakan satu estet padi di dalam sektor pertanian padi. Konsep ini telah pun dilaksanakan di satu daerah di negeri Kedah di dalam kawasan saya yang sedikit sebanyak menunjukkan kejayaan di dalam perkara ini. Pertama, kita melihat dari segi kos pengeluaran petani-petani bagi satu ekar sawah yang dikerjakan. Sekarang ini kalau hendak diketahui kos pengeluarannya adalah terlalu tinggi bagi mengeluarkan hasil untuk satu ekar sawah. Kos membajaknya \$40; kos menanam padi \$60 bagi satu ekar; kemudian kos menuai (harvest) \$65 satu ekar. Ini tidak termasuk baja yang telah dibeli dan juga penggunaan buruh seisi keluarga. Hitung panjang keuntungan yang diperolehi bagi satu ekar ialah lebih kurang \$400. Ini hitung panjang yang diperolehi dalam tempoh 6 bulan. Bayangkanlah, kalau orang itu hanya mempunyai 3 ekar sawah dia akan dapat \$1,200 dalam masa enam bulan. Ini menunjukkan pendapatan purata baginya hanya \$200 sebulan.

Dengan sebab itu saya rasa cadangan untuk mengadakan estet padi ini perlulah dilaksanakan dengan segera dan saya sedang menunggu permohonan yang telah saya kemukakan dahulu kepada pihak Kerajaan supaya dapat melaksanakan suatu sistem estet padi ini, satu konsep baru ini, di satu

tempat yang telah pun dikenal pasti yang melebihi 600 ekar untuk dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

Di dalam soal ini juga, soal pembukaan estet padi ini, saya rasa tidaklah perlu terbatas hanya kepada padi sahaja, ianya boleh juga dikembangkan kepada bentuk pengeluaran yang lain, hasil pertanian yang lain.

Di dalam satu kajian yang telah dibuat oleh pihak KEDA di negeri Kedah, saya akan mencadangkan supaya tanah-tanah yang tidak diusahakan oleh tuan punya tanah itu diambil, di nilai harga tanah itu, dijadikan saham sebagai peserta dan tuan punya tanah itu dan juga ahli-ahli keluarganya yang boleh menyumbangkan tenaga boleh bekerja di ladang itu.

Dengan itu secara terus mereka mendapat hasil perolehan harian daripada pekerjaan yang telah mereka lakukan dan mereka akan mendapat keuntungan tahunan hasil daripada penyertaan mereka melalui tanah tadi. Bentuk jenis tanaman itu bolehlah difikirkan kalau di Kedah kita boleh cadangkan tebu untuk dijual kepada Syarikat Kilang Gula Padang Terap ataupun Kilang Gula Perlis ataupun satu tanaman yang boleh mempunyai pasaran baru iaitu halia yang dicadangkan untuk dieksport ke negeri Jepun dan Taiwan sebagai makanan harian bagi mereka. Jadi, bentuk estet jenis ini perlu dikembangkan.

Saya nampak bukanlah satu kemalasan di kalangan petani-petani luar bandar, bukan padi tetapi mereka tidak mempunyai modal yang cukup untuk mengusahakan walaupun sekadar dua ekar kerana pendapatan harian mereka itu hitung panjang hanya \$4 hingga \$5 satu hari boleh dibelanja atau dihabiskan dalam masa satu hari sahaja, dan esoknya mereka akan berusaha lagi bagi mendapatkan pendapatan untuk dibelanjakan.

Jadi, kalau dengan ini pihak Kerajaan boleh menyalurkan sedikit peruntukan kepada pihak KEDA dan sekarang ini saya mendapat tahu bahawa pihak KEDA belum lagi mendapat apa-apa peruntukan di dalam bidang ini dan saya memohon kepada Kerajaan supaya dapat mengkaji dan meluluskan permohonan yang telah diminta supaya satu pilot project dapat dilaksanakan di mana-mana kawasan yang boleh dijadikan sebagai contoh kepada negara.

Saya menyentuh sedikit mengenai Dasar Pertanian Negara yang telah juga disentuh di dalam Kajian Separuh Penggal.

Dasar Pertanian Negara seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengkhususkan bantuan-bantuan untuk pengeluaran semata-mata. Malangnya perkara yang penting ialah masalah kemanusiaan dan institusi-institusi yang akan menggerakkan sumber-sumber pengeluaran seperti penggunaan modal dan pasaran tidak ditempo langsung di dalam Dasar Pertanian Negara.

Kita sedia maklum bahawa masalah kemiskinan petani-petani di kawasan-kawasan desa yang mengasaskan kehidupan semata-mata kepada pertanian ialah disebabkan oleh ketidakseimbangan nilai barangan yang dikeluarkan oleh sektor pertanian dan nilai barangan yang dikeluarkan oleh sektor bukan pertanian iaitu perindustrian dan perniagaan.

Apa yang berlaku sekarang bukanlah merupakan soal pengeluaran atau daya pengeluaran tetap kerana kita sedia maklum bahawa petani-petani Malaysia mempunyai daya pengeluaran yang tinggi jika dibandingkan dengan lain-lain petani di Asia. Misalnya di rancangan perairan MUDA dan KEMUBU. Daya pengeluaran bagi tiap-tiap sehektar padi adalah setanding

dengan daya pengeluaran untuk tiap-tiap hektar di Taiwan dan Jepun. Apa yang menyebabkan petani-petani miskin ialah ketidakseimbangan pendapatan yang mereka dapat dari penjualan hasil dengan kos barangan keluaran dan juga kos barangan input pertanian. Setinggi mana subsidi yang diberikan oleh Kerajaan sekalipun tetapi andainya harga barang-barang keperluan seperti minyak, tepung, gula dan harga barang input pertanian seperti mesin dan baja meningkat maka taraf kemiskinan akan terus meningkat di kalangan petani-petani itu tadi.

Apa yang harus dilakukan oleh pakar-pakar yang menulis Dasar Pertanian Negara ialah dengan melihat dahulu struktur ekonomi pada keseluruhannya yakni mengambil kira ekonomi pertanian sebagai komponen yang integrated kepada ekonomi negara. Jikalau ini telah dilakukan mungkin pakar-pakar ini akan dapat menguruskan satu rangka yang menekankan soal-soal penguasaan sumber-sumber tanah, modal, struktur pemerosesan barang-barang pertanian dan juga pemasarannya. Saya tekankan istilah penguasaan ini kerana pada masa ini petani-petani tidak menguasai apa-apa pun di dalam pemerosesan bahan-bahan ekonomi.

Kalau di dalam soal tanah, petani-petani oleh sebab kecilnya tanah untuk diusahakan dan tidak dapat menguasai langsung dan di dalam keadaan pemasaran dan pemerosesan dikuasa oleh pemodal-pemodal dari bandar dan keseluruhannya hakisan kekayaan dari sektor pertanian wujud dengan kukuh dari dahulu hinggalah sekarang.

Andainya Dasar Pertanian Negara menekankan pengusahaan pemasaran dan pemerosesan pasaran-pasaran keluaran pertanian ini maka saya yakin masalah kemiskinan tidak akan bangkit kepada jenerasi ini dan jenerasi yang akan datang.



Sekat yang ada sekarang apa yang dicadangkan dalam Dasar Pertanian Negara, saya pasti kemiskinan akan berlarutan sehingga berpuluh-puluh tahun yang akan datang kerana dasar ini hanya menambahkan pengeluaran pertanian tetapi ianya tidak mengambil kira bahawa kekayaan daripada penambahan ini dibawa balik kepada petani-petani yang memerlukannya.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini ditokok lagi dengan satu masalah pemasaran bahan-bahan pertanian selain daripada padi tadi.

Di sini saya ingin menyentuh soal kegiatan-kegiatan pihak FAMA walaupun di dalam Dewan yang mulia ini telah dijelaskan dahulu bahawa pihak Kerajaan berpuas hati dengan kegiatan-kegiatan yang telah dilakukan oleh FAMA di dalam usaha untuk memasarkan bahan-bahan pertanian keluaran petani-petani luar bandar ini.

Di dalam satu kajian yang telah dibuat oleh pihak MARDI dalam tahun 1983, dengan izin, "Agro Economic Survey of Vegetable Farming in Peninsular Malaysia" yang telah dibuat dalam tahun 1983 menunjukkan suatu perbezaan harga yang amat tinggi jika dibandingkan dengan harga yang ditawarkan oleh orang tengah.

Kita mungkin terkejut melihat perbezaan ini. Perbezaan yang diberikan di dalam kajian itu menunjukkan berjumlah di antara 20% sehingga 196% perbezaan harga yang ditawarkan oleh pihak FAMA atas hasil-hasil yang diperolehi oleh petani-petani jika dibandingkan dengan harga tawaran yang telah pun diberikan oleh orang tengah.

Jadi, nampaknya di dalam soal ini pihak FAMA sendiri telah tidak dapat memainkan peranan di dalam usaha untuk membantu petani-petani luar bandar. Sehingga di dalam satu kes kecil

yang berlaku di dalam kawasan saya sendiri di mana seorang pemelihara ayam bertujuan untuk memasarkan 1,500 ekor ayam dengan harga \$1.30 sen yang diminta oleh FAMA; yang diminta oleh orang tengah \$1.40 sen bagi satu kati telah menimbulkan perbalahan yang hebat sehingga penternak ini terpaksa menulis surat kepada Menteri Pertanian untuk meminta penjelasan kerana keangkuhan, tidak ada dasar kerjasama, persefahaman di antara pembeli iaitu pihak FAMA dengan pihak penjual atau penternak ini.

Jadi, kalaulah keadaan begini berlaku maka saya yakin bahawa hasrat Kerajaan melalui Dasar Pertanian Negara ini akan menambah sulitkan petani-petani luar bandar di mana apabila mereka telah berjaya sepenuhnya mencapai cita-cita melalui Dasar Pertanian Negara ini, hasil pengeluaran yang telah diperolehi adalah meningkat tetapi harga pasarannya itu adalah rendah. Maka akan bertimbun-timbunlah hasil-hasil petani ini dengan harga yang murah dan mungkin tidak laku untuk dijual.

Jadi, yang tertindas itu tetap tertindas iaitu masyarakat-masyarakat petani di luar bandar.

Yang keduanya, pihak FAMA di daerah-daerah telah tidak menjalankan tugas-tugasnya dengan baik. Saya ada sedikit pengalaman sebagai pentadbir di peringkat daerah mendapati bahawa tidak ada cadangan ataupun ura-ura daripada FAMA daerah untuk menonjolkan kegiatan-kegiatan yang boleh dibuat oleh mereka, apakah perlu mereka ini memberi penjelasan atau penerangan kepada ahli-ahli masyarakat, tunjukkan kegiatan-kegiatan apa yang boleh dibuat oleh mereka, apa yang boleh dibuat untuk membantu petani-petani ini. Tidak ada inisiatif untuk menjelaskan, untuk menerangkan kepada ahli-ahli masyarakat. Jadi petani-petani sebahagian daripadanya sudah diiktiraf

sebagai petani-petani yang bodoh di luar bandar, tidak ada keupayaan, tidak ada jalan, tidak ada usaha oleh pihak Kerajaan untuk menjelaskan aktiviti, untuk menjelaskan kegiatan yang boleh dibuat oleh satu badan Kerajaan maka mereka itu akan sentiasa duduk di dalam keadaan kegelapan di sepanjang masa.

Kemudian itu kita menyalahkan mereka kerana tidak dapat membantu Kerajaan di dalam perkara-perkara tertentu. Ini suatu hal yang saya rasa tidak dapat kita terima kerana tugas kita itu mestilah kita jelaskan dengan sejelas-jelasnya kepada masyarakat, kemudian kita minta ahli masyarakat supaya memahami akan kehendak-kehendak apa yang diperlukan oleh kita iaitu Kerajaan, kemudian daripada itu kita akan mendapat suatu hubungan timbal balik yang baik di antara agensi-agensi Kerajaan dengan rakyat. Maka dengan itu akan timbullah satu hubungan yang boleh membaiki keadaan sama ada keadaan itu boleh menguntungkan ataupun tidak, itu adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk melihat dan meneliti.

Satu perkara yang saya hendak sebutkan sebagai salah satu sumber yang amat dititikberatkan oleh Perdana Menteri ialah mengenai industri kecil luar bandar yang disebutkan sekarang ini ialah hasil kraftangan. Hasil kraftangan ini boleh menimbulkan, boleh menambahkan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar jika sekiranya ia dapat dilaksanakan dengan baik. Saya sebutkan ini kerana saya berterima kasih kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang memulakan projek ini. Pusat Karyaneka yang telah ditubuhkan, pada jangka panjang Pusat-pusat Karyaneka ini yang berbentuk pondok-pondok kecil itu perlulah kita hapuskan dan kita tubuhkan atau kita bina suatu gedung yang besar bagi memasarkan hasil kraftangan supaya ianya dapat mencapai standard, dengan

izin, yang sama seperti barangan yang lain untuk dipasarkan.

Saya juga berterima kasih apabila membaca suratkhbar Berita Harian pada hari ini menunjukkan permulaan hasil kraftangan, ini akan dieksport ke Jerman Barat melalui perundingan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ini satu permulaan yang perlu diteruskan supaya hasil kraftangan ini akan mendatangkan hasil kepada negara sekurang-kurangnya 30% atau 35% pada satu jangka masa yang akan datang, kerana kita melihat negara lain seperti Filipina misalnya, hasil kraftangan ini sahaja telah mendatangkan hasil kasar negaranya ialah 40%, mengapakah kita tidak dapat untuk mengusahakan? Di samping itu apabila kita telah memulakan hasil kraftangan ini pengumpulannya perlulah dibuat pada semua daerah. Saya yakin bahawa tiap-tiap daerah dalam satu kampung itu akan terdapat orang-orang ataupun tukang-tukang yang mempunyai kemahiran semula jadi yang boleh membuat bentuk-bentuk kraftangan ini dengan baik. Jadi hasil itu perlulah dibeli dan dipasarkan oleh Kerajaan. Pusat pengumpulan itu perlulah diadakan bagi tiap-tiap daerah supaya Kerajaan dapat mengumpulkan hasil-hasil kraftangan ini bagi dipasarkan.

Selain daripada itu adalah menjadi tugas kepada Kerajaan juga untuk merekabentuk perkara-perkara baru (design) supaya ianya akan memberikan, menaikkan mutu hasil kraftangan, satu latihan kepada mereka yang berhajat untuk mendapatkan ilmu di dalam kraftangan ini, biarlah ada pertandingan di kalangan mereka supaya pertandingan ini akan menimbulkan hasil yang lebih bermutu dan kita dapat pasarkan dengan harga yang lebih baik dan keuntungan itu diperolehi oleh mereka yang mengusahakannya.

Di samping itu selain daripada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, Badan-badan Kerajaan di dalam sektor pembangunan tanah seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan lain-lain Badan-badan Pembangunan Wilayah adalah juga dapat memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk membasmi atau mengurangkan masalah kemiskinan di luar bandar. Ini suatu Badan yang telah pun berjaya setakat ini iaitu FELDA, FELCRA, RISDA dan lain-lain Badan Pembangunan Wilayah yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan telah pun berjaya setakat ini dan apa yang kita minta ialah supaya diperbanyakkan, ditambah projek-projek yang difikirkan sesuai dan dengan adanya pindaan kepada Kanun Tanah Negara ini saya berharap supaya Badan-badan Kerajaan ini dapat mengambil bahagian untuk memajukan tanah-tanah terbiar, tanah-tanah yang tidak diusahakan oleh tuan punya-tuan punya, kerana selama ini alasan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan bahawa Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk masuk mengambil bahagian di dalam tanah-tanah yang tidak diusahakan oleh pemilik-pemiliknyanya. Jadi dengan adanya pembentangan yang akan dibuat mengenai pindaan kepada Kanun Tanah Negara itu, yang saya dapati bahawa membenarkan pihak berkuasa negeri ataupun agensi yang diberi kuasa boleh masuk untuk membantu bagi memajukan tanah itu, maka saya berharap pada Kerajaan supaya dapat melakukan perkara ini dengan seberapa cepat yang boleh supaya tanah-tanah terbiar itu dapat diusahakan dan kepentingan ataupun hasil itu diperolehi oleh petani-petani miskin di luar bandar.

Di dalam usaha menjalankan projek Kerajaan ada satu badan yang dinamakan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP), satu badan yang ditugaskan untuk menjalankan usaha-usaha pertanian bersepadu dengan Jabatan yang

dikira dapat membantu bagi memajukan sesebuah kampung. Apa yang saya lihat sekarang ini ialah satu kelambatan yang amat sangat telah berlaku, projek-projek yang telah pun diluluskan oleh pihak Kerajaan di bawah IADP ini telah banyak tidak dapat dilaksanakan, telah tidak dapat dibuat walaupun, buat kerja-kerja permulaannya. Ini suatu masalah perancangan, masalah perancangan yang boleh dikaji semula dan pegawai-pegawai yang mempunyai dedikasi serta tanggungjawab mestilah diberi tanggungjawab, diberi tugas untuk menggerakkan IADP ini, khusus bagi IADP di negeri Kedah kerana selama ini kita telah banyak membincang soal kelambatan-kelambatan projek di bawah IADP ini.

Selain daripada itu penumpuan yang diberikan untuk memajukan beberapa daerah tertentu adalah suatu perkara yang saya tidak dapat menerimanya kerana hakikat bahawa seluruh negeri Kedah itu adalah sebuah negeri yang miskin, maka segala projek-projek di bawah IADP ini perlulah menyeluruh bagi seluruh negeri Kedah mengikut keutamaan-keutamaan yang ditetapkan ataupun dipohon oleh Pegawai-pegawai Daerah yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat-mesyuarat Tindakan Daerah kepada Kerajaan. Jadi, tidak semestinya kita menganggap bahawa satu daerah itu yang miskin maka penumpuan itu harus ditumpukan kepada daerah itu sahaja, bagi tahun 1984 dan 1985 akan berganjak ke tahun lain, ke daerah lain. Apa yang perlu ialah kita agihkan mengikut kadar-kadar yang dikira, mengikut projek-projek kepentingan sesuatu projek itu, maksudnya yang perlu dilakukan dahulu, yang penting dilakukan dahulu, maka perlulah ianya diberikan penilaian oleh pihak IADP ini untuk dilaksanakan.

Saya juga amat bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai suatu masyarakat dole society, masyarakat

yang amat bergantung kepada Kerajaan sekarang ini supaya ahli-ahli masyarakat tidak sangat terlalu manja pada Kerajaan dan mengharapkan semuanya, segala-gala untuk dibantu oleh Kerajaan, mungkin untuk menyuap nasi pun pada satu masa kelak akan dipohon, dipinjamkan daripada pihak Kerajaan untuk dirinya sendiri. Ini saya rasa suatu masalah yang boleh dimainkan tugasnya oleh semua ahli masyarakat, pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan tugas pembangunan sama ada pembangunan sosial dan infrastruktur ini boleh memainkan peranan untuk menyedarkan sebahagian daripada ahli masyarakat supaya tidak mempunyai semangat, supaya dapat dikurangkan semangat penggantungan kepada Kerajaan ini dapat dikurangkan, kemanjaan ini perlulah dikikis kerana ianya akan membawa keburukan kepada negara kita.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Satu konsep yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah mengenai Pembangunan Wilayah. Pembangunan Wilayah ini supaya dapat dilaksanakan projek-projek tanpa mengira sempadan daerah dan negeri. Satu keadaan yang menjolok mata berlaku sempadan di antara Negeri Kedah dan Perak bagi sempadan daerah Bandar Baru dan Parit Buntar. Satu perbezaan pembangunan yang ketara sekali boleh dilihat disebabkan oleh tidak ada peraturan yang membolehkan konsep Pembangunan Wilayah yang tidak mengira sempadan ini sebelum ini tidak wujud. Maka kita dapat melihat pada sebelah Negeri Perak lebih maju dengan kedai-kedai dan bangunan-bangunan tetapi sebelah Bandar Baru itu bangunan-bangunannya masih lama, masih lagi kita lihat bangunan-bangunan buruk yang terdapat di situ. Jadi dengan adanya konsep ini saya berharap kepada pihak Kerajaan supaya dapat merancang Pembangunan

Wilayah ini supaya ianya setanding, kalau sekiranya bandar atau pekan itu terletak pada tempat yang berhampiran dengan kedua-dua negeri itu.

Satu perkara yang saya lihat sekarang ini tentang pembangunan pekan-pekan ataupun bandar-bandar. Seperti contoh, Kuala Lumpur sebagai satu bandar dalam Wilayah Persekutuan di mana penumpuannya telah diberi dengan begitu hebat, begitulah juga dengan semua ibu-ibu negeri di dalam Malaysia ini telah diberi tumpuan yang sebegitu baik dengan kita melupakan pembangunan pekan-pekan kecil. Kalau Kuala Lumpur ini kita ambillah misalnya Pekan Kajang kita lihat. Ini sebagai contoh yang saya boleh tunjukkan bahawa Pekan Kajang itu telah ditinggalkan ataupun kalau tidak ditinggalkan, perhatian atau tumpuan Kerajaan itu telah kurang diberikan pada hal bandar-bandar kecil inilah tempat permulaan bagi bumiputera untuk mula menapak di dalam bidang perniagaan ataupun berusaha untuk menghayati penghidupan baru di dalam bandar.

Dengan itu, saya rasa melalui Dewan yang mulia ini saya hendak memohon supaya pekan-pekan kecil melalui Majlis Daerah Kerajaan Tempatan masing-masing peruntukan untuk pembangunannya perlulah ditambah supaya ianya boleh jadi walaupun tidak setanding, tetapi merasai sedikit sebanyak nikmat pembangunan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan.

Saya ingin menyentuh sedikit soal pengswastaaan. Saya bersetuju dengan cadangan untuk mengswastakan beberapa projek Kerajaan kerana kita mengharapkan soal perkhidmatan yang baik, soal pengurusan yang licin, tetapi walau macam manapun kita mestilah ingat, saya telah sebutkan di sini sedikit sebanyak dalam Dewan yang mulia ini bahawa pengswastaaan ini mestilah tidak menimbulkan masalah kepada rakyat.

Saya hendak mencontohkan cadangan untuk mengswastakan pembinaan rumah-rumah murah. Di dalam Dewan yang mulia ini Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelaskan bahawa pembinaan rumah-rumah kos rendah adalah rendah peratusannya kerana pemborong-pemborong tidak berminat untuk mengambil bahagian di dalam pembinaan rumah ini. Ini satu masalah yang amat mudah kerana apabila pemaju-pemaju ini mengambil bahagian untuk membina rumah murah yang dikatakan murah, yang sebenarnya bagi mereka telah tidak murah dan Kerajaan menetapkan harga bagi mereka. Sudah pastilah dalam bidang perniagaan mereka mengharapkan keuntungan. Kos pembinaan rumah yang dikatakan murah itu lebih tinggi daripada kos rumah murah yang dibina oleh Kerajaan disebabkan oleh beberapa faktor yang tertentu. Misalnya soal peraturan-peraturan yang dikenakan oleh badan, pihak-pihak berkuasa tertentu di dalam meluluskan pelan. Kalau hendak dibandingkan dengan rumah Kerajaan terus terang saya katakan kadang-kadang tidak dimasukkan pelan kepada pihak berkuasa-pihak berkuasa tertentu bagi sesuatu daerah, kita lancarkan begitu sahaja, sedangkan kepada pihak swasta kita mengenakan syarat.

Pertamanya, mestilah berada di dalam kawasan lingkungan pembangunan (development area) bagi sesuatu kawasan pekan kecil, inipun menimbulkan masalah kerana dalam satu pekan yang kecil, "development area" yang ditetapkan oleh pihak Perancang Bandar dan Desa itu boleh jadi hanya 1 km, 2 km persegi, tidak luas, jadi berhampiran dengan tanah rancangan. Misalnya bila Kerajaan menubuhkan sekolah-sekolah menengah yang berasrama, sudah pastilah kawasan-kawasan itu memerlukan sedikit sebanyak perumahan untuk guru-guru, untuk pegawai-pegawai yang mungkin

bertugas kepada tempat itu, tetapi apabila pemaju meminta untuk memajukan tanah itu dengan mendirikan rumah-rumah kos rendah, ianya tidak dapat diluluskan kerana pihak perancang akan mengatakan bahawa permohonan ini di luar daripada kawasan pembangunan yang telah ditetapkan, di luar katanya. Kita tahu memangnya itu di luar pembangunan, tetapi budi bicara itu mestilah melebihi daripada tatacara yang ditulis, penggunaan budi bicara. Kalau sekiranya boleh kita luluskan perkara ini demi untuk kepentingan pembangunan, maka kita mestilah memberi pertimbangan kepada perkara ini.

Saya hendak sebutkan sedikit sebanyak mengenai perbezaan-perbezaan yang wujud di antara satu projek perumahan kos rendah Kerajaan dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan kepada pihak swasta untuk mendirikan rumah murah yang dikatakan murah. Satunya perkara yang telah saya sebutkan tadi ialah mesti terletak di dalam kawasan pembangunan bagi sesuatu pihak berkuasa tempatan. Keduanya, bangunan mestilah bangunan batu konkrit sedangkan Kerajaan pun boleh membina klinik-klinik desa, klinik-klinik kayu di kawasan luar bandar, mengapa ini tidak boleh ditimbang kalau sekiranya kos boleh direndahkan. Jalan susur (service road) ditetapkan 40 kaki ataupun sebaik-baiknya 66 kaki sedangkan pihak Kerajaan hanya membina 20 kaki bagi sesuatu projek rumah kos rendah, ini boleh dilihat. Buktinya boleh dilihat kepada rumah-rumah murah yang telah didirikan, boleh lihat sendiri di mana yang kita boleh lihat, iaitu perbezaan jalan belakang (backlane) ditetapkan 20 kaki, tetapi ada rumah-rumah murah Kerajaan hanya meletakkan cement slab bagi jalan-jalan belakang. Ini perbezaan-perbezaan yang boleh menambahkan kos pembinaan rumah-rumah murah yang dicadangkan untuk diwastakan itu.

Satu lagi pembinaan jalan telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan supaya mengikut standard JKR jalan masuk dan jalan di kawasan sekeliling, iaitu dengan 12 inci kepasiran dan 4 inci premix, samalah standard seperti jalan raya biasa yang dilalui oleh kenderaan-kenderaan berat masuk ke rancangan perumahan. Jadi kalau sekiranya Kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan pembinaan rumah-rumah kos rendah yang akan dilaksanakan oleh pihak swasta, maka perkara ini bolehlah ditimbang untuk dikurangkan sedikit sebanyak kalau sekiranya kita boleh mengikut mutu yang tertentu. Kalau sekiranya pihak Kerajaan boleh, pihak swasta tidak boleh, jadi orang mungkin mentertawakan kita mengenai konsep "Kepimpinan Melalui Teladan" yang dikatakan tidak betul. Memang ini menjadi satu sendaan Kepimpinan Melalui Teladan ini dalam banyak kes, banyak perkara yang boleh kita lihat.

Yang kelimanya, mengenai kawasan terbuka (open space). Juga diwajibkan kepada pemborong untuk menyediakan. Kalau sekiranya perkara ini perlu juga, saya rasa "open space" ini perlulah diambil alih oleh pihak Kerajaan-kerajaan yang membayarnya. Jika sekiranya kos tanah itu perlu diambil kira, maka ini akan dibiayai oleh Kerajaan bagi membantu supaya rumah-rumah kos rendah itu benar-benar akan rendah harganya dan boleh dimiliki oleh golongan yang berhak, yang mampu, yang telah kita tetapkan bagi mendapatnya.

Dalam masalah yang terakhir, yang keenam, sudah menjadi masalah biasa iaitu pemerosesan dan kelulusan, menunggukan kelulusan daripada pihak berkuasa negeri yang terlalu panjang, paling singkat proses yang telah dibuat 2 tahun, sehingga kadang-kadang 5 tahun. Ini disebabkan oleh proses-proses birokrasi yang sedia ada yang memerlukan pandangan beberapa Jabatan. Jabatan-jabatan inipun perlulah sekarang ini menukarkan sikap

supaya jangan terlalu lama merendahkan perkara-perkara ini kerana ianya akan menjejaskan prestasi pembangunan Kerajaan. Prestasi pembangunan Kerajaan akan terjejas jika sikap seperti ini kita amalkan, kita kekalkan kepada diri kita. Jadi saya berterima kasih kalau sekiranya pihak Kerajaan dapat melaksanakan suatu ura-ura yang mengatakan bahawa proses kelulusan ini akan dipersingkatkan kepada jangka masa enam bulan. Ini suatu ura-ura pihak Kerajaan yang saya rasa kalau sekiranya dapat dilaksanakan ianya akan mengubah suatu keadaan yang telah lama dan satu era baru pentadbiran akan bermula di dalam usaha untuk meluluskan projek-projek perumahan ini.

Saya juga ingin menyebutkan soal mengenai perindustrian berat yang disebutkan, kita bersetuju supaya perindustrian jenis berat ini dilaksanakan oleh Kerajaan tetapi di samping kita menekankan soal industri berat ini kita perlulah juga melihat kepada perkembangan industri kecil.

Yang Amat Berhormat telah juga menegaskan bahawa industri kecil ini akan diberi galakan—kemungkinan. Ini suatu perkara yang walaupun disebut sebagai kemungkinan, akan diberikan galakan-galakan tertentu. Saya memohon kepada Kerajaan supaya galakan-galakan ini perlu dibuat kerana industri kecil boleh membantu perkembangan sektor pertanian dan sekarang ini kita lihat jentera-jentera petani yang digunakan adalah jentera-jentera besar, jentera-jentera berat, dengan izin, combined harvester yang harganya \$150,000, trektor jenis besar, jenis berat yang tidak mampu dibeli oleh petani-petani. Jadi di dalam soal ini kita mestilah memikirkan soal industri kecil yang boleh membuat jentera-jentera kecil yang mampu dibeli oleh petani-petani bagi digunakan di ladang-ladang mereka, di sawah-sawah mereka dan ini akan mempercepatkan proses bagi mereka dan akan menurunkan kos

pengeluaran bagi mereka. Kepentingan ini mestilah diambil kira supaya ianya dapat membantu Kerajaan dan juga petani-petani tadi.

Seterusnya saya hendak sebutkan suatu perkara lagi iaitu mengenai cadangan untuk menambahkan pertambahan penduduk 70 juta manusia, bahawa Kerajaan ini mampu untuk menampung 70 juta rakyat negara ini. Dalam soal ini pihak Kerajaan seperti yang telah disebutkan semasa membahaskan Rang Undang-undang Pindaan bernama Lembaga Perancang Keluarga dahulu telah saya tegaskan bahawa perkembangan ini biarlah sejajar dengan perkembangan ekonomi negara supaya ianya tidak menyebabkan pertambahan penduduk yang mendadak yang boleh menimbulkan masalah yang banyak kepada masyarakat dan Kerajaan. Perkara ini perlulah dipertimbangkan supaya satu pertambahan mengikut natural growth, dengan izin dan juga kawalan-kawalan itu perlulah dikenakan, kawalan kepada beberapa keluarga misalnya pandangan-pandangan yang baik, kepentingan-kepentingan yang baik supaya mereka dapat memikir masalah kekurangan dan masalah negara kita sendiri.

Perkara yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebutkan mengenai Universiti Utara Malaysia seperti mana yang telah disebutkan oleh yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telahpun memulakan projek Universiti Utara di negeri Kedah di mana projek permulaan kampus sementara telah pun dimulakan dekat Jitra tetapi apa yang menjadi suatu perkara yang tidak senang ialah pendapat-pendapat yang telah dikeluarkan oleh beberapa kumpulan, Selangor Graduates Society, dengan izin, misalnya satu pertubuhan di Universiti Malaya menyebut rasa tidak puas hati telah memberikan komen-komen yang tidak berasas tentang pembinaan universiti ini. Bahawa mereka tidak

langsung memberi terima kasih kepada Kerajaan bahawa mereka juga adalah hasil keluaran daripada universiti tempatan yang dibiayai oleh Kerajaan dan kepentingan untuk menambahkan cerdik pandai-cerdik pandai di negara ini terutamanya cerdik pandai Bumiputera dalam usaha untuk membantu Kerajaan. Jadi pandangan-pandangan yang diberikan itu adalah semuanya pandangan negatif yang menunjukkan bahawa setengah daripadanya mengatakan Kerajaan tidak perlu untuk menubuhkan Universiti Utara kerana kurangnya tenaga pengajar di negara ini. Suatu alasan yang tidak boleh diterima kerana Kerajaan pada masa sekarang ini saya rasa mampu untuk menyediakan tenaga pengajar yang baik, yang sempurna supaya hasil keluaran Universiti Utara ini dapat membantu Kerajaan di dalam usaha pembangunannya.

Dengan itu saya menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

5.15 ptg.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong (Labuk Sugut):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut bersama-sama membahas dan seterusnya menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Saya amat gembira setelah membaca buku terbitan Kerajaan berjudul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 terutamanya kejayaan dalam membasmi kemiskinan di Sabah. Saya ingin memetik beberapa ayat daripada buku berkenaan:

“Kadar kemiskinan keseluruhan yang dikaji semula bagi Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 29% bagi tahun 1980 telah meningkat sedikit kepada 30.3% dalam tahun 1983.

Walau bagaimanapun kadar kemiskinan di Sabah telah berkurangan daripada 58.3% dalam tahun 1976 kepada 29.2% dalam tempoh tahun 1982.”

Kejayaan ini adalah disebabkan kesungguhan dan kegigihan Kerajaan Negeri dengan dorongan dan bantuan yang berterusan daripada Kerajaan Persekutuan. Tahun 1976 adalah juga tahun di mana Parti BERJAYA mengambil alih pentadbiran negeri Sabah daripada USNO.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran untuk membincangkan peruntukan tambahan bagi pelajaran dan latihan.

Mengikut buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 muka surat 405 tambahan peruntukan ialah sejumlah \$1,239,310 juta. Peruntukan ini adalah sederhana dan kami dari Sabah berharap penekanan untuk memberi peruntukan kepada negeri-negeri hendaklah mengikut prinsip-prinsip tertentu. Ini adalah supaya negeri Sabah yang masih ketinggalan dari segi pelajaran jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia akan diberi keutamaan.

Pelajaran adalah kunci untuk mencapai kejayaan dalam usaha kita membangun negara. Pelajaran dan latihan bagi pendapat saya mempunyai dua tujuan pokok. Yang pertama untuk memupuk perpaduan dan integrasi kebangsaan. Kedua memenuhi keperluan tenaga manusia negara. Tujuan dan hasrat Kerajaan untuk mencapai kedua-dua matlamat penting yang saya sebutkan tadi tidak akan berhasil dengan baiknya jikalau taraf pencapaian pelajaran dalam satu-satu negeri itu rendah. Dengan sebab itu saya mengutarakan beberapa masalah pelajaran dan latihan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, di muka surat 405, Jadual 14-4 ada tercatat iaitu

Universiti Utara telah diberikan peruntukan. Saya mengalu-alukan pembukaan Universiti Utara ini. Ini adalah disebabkan oleh meningkatnya permintaan untuk mendapat tempat-tempat pelajaran tinggi di kalangan terutamanya negara-negara seperti Sabah dan Sarawak. Mudah-mudahan universiti ini akan dapat mengeluarkan lebih banyak cerdik pandai terutamanya di bidang pengurusan sejajar dengan kehendak Kerajaan untuk meninggikan taraf produktiviti di negara kita Malaysia.

Di samping itu, saya merayu kepada Kementerian Pelajaran menimbang dan memberi peruntukan yang perlu untuk perkembangan Universiti Kebangsaan Cawangan Sabah.

Setahu saya Kerajaan negeri Sabah sudah menawarkan tanah seluas 900 ekar untuk tapak baharu kampus Universiti Kebangsaan Sabah. Saya berharap rancangan pemindahan tapak kampus Universiti Kebangsaan Cawangan Sabah dapat diteruskan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Saya juga merayu agar satu lagi fakulti ditambah di Universiti Kebangsaan Cawangan Sabah, kerana pada masa ini cuma terdapat satu sahaja fakulti semenjak ianya ditubuhkan pada tahun tujuh puluhan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak projek-projek pembinaan bangunan-bangunan sekolah telah ditangguhkan oleh sebab kemelesetan ekonomi negara. Oleh sebab projek-projek ini amatlah diperlukan untuk menampung bilangan pelajar-pelajar terutamanya di luar bandar Sabah, maka saya merayu projek-projek ini dilaksanakan semula. Di sini saya ingin sebutkan beberapa projek-projek yang seharusnya dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Yang pertama SMK Telabit daerah Beluran, SMK Bukit Garam daerah



Kinabatangan, SMK Tongot Pinangah daerah Kinabatangan, Sekolah Vokasional Pertanian Telupit, SRK Berhala Darat, SRK Keramunting, SRK Rancangan Swan Lambar, SRK Nunyan Laut dan SRK Pulau Libaran.

Di samping itu adalah diharapkan bangunan-bangunan sekolah yang mengalami kerosakan akan diperbaiki supaya tidak menjejaskan persekolahan pelajar-pelajar yang ada. Adalah diharapkan peruntukan secukupnya dibuat dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk mendirikan sekolah kilat. Rancangan mendirikan sekolah-sekolah di luar bandar Sabah secara gotong-royong telah disambut oleh rakyat dengan baik. Rancangan ini telah memberi peluang pelajaran kepada murid-murid di kawasan-kawasan pendalaman seperti di Ulu Sugut. Di samping itu rancangan ini telah juga berjaya menolong membasmi buta huruf di kalangan anak-anak muda di luar bandar.

Rancangan latihan guru-guru tempatan Sabah hendaklah dipergiatkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Rancangan latihan mempunyai dua tujuan. Pertama ialah untuk mengatasi kekurangan guru-guru terlatih di kalangan guru-guru tempatan. Kedua ialah untuk meninggikan taraf akademik guru-guru tempatan. Ramai berpendapat kekurangan guru-guru di Sabah hendaklah atasi dengan melatih calon-calon tempatan di Maktab-maktab di Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Pada masa ini bilangan calon-calon tempatan di Maktab-maktab Sabah adalah mengecewakan. Ini adalah disebabkan kelayakan masuk ke maktab berkenaan sangat sukar sekali bagi peserta-peserta daripada negeri Sabah. Oleh itu saya mencadangkan supaya diberi kelonggaran kepada pelatih dari Sabah.

Kementerian Pelajaran bolehlah memikirkan untuk menerima permohonan daripada guru-guru sandaran yang sudah berkhidmat selama sekurang-kurangnya lima tahun dan mempunyai kelayakan hanya lulus SRP. Untuk calon-calon kemasukan terus, saya merayu agar Kementerian dapat menimbangkan calon-calon yang gagal SPM dengan beberapa mata pelajaran utama lulus atau calon-calon yang lulus SPM tetapi tidak memenuhi syarat lulus mata-mata pelajaran yang dipentingkan.

Guru-guru di luar bandar di Sabah perlu latihan untuk meninggikan taraf akademik mereka. Oleh itu adalah dicadangkan mereka dihantar setahun atau dua tahun sekali untuk mengikuti apa juga kursus-kursus yang sesuai. Kursus-kursus yang dimaksudkan adalah seperti latihan formal di maktab-maktab dan kursus-kursus dalam perkhidmatan ataupun kursus-kursus dalam cuti. Latihan ini adalah perlu supaya mutu pelajaran dan pengajaran di luar bandar Sabah akan bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah di Sabah adalah tidak memuaskan. Saya ambil satu contoh di sini iaitu satu sekolah yang dipanggil SMK Sandakan dan sekolah ini adalah dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Pelajaran Negeri Sabah. Sekolah ini mengalami kekurangan 9 orang guru dan oleh sebab kekurangan itu, maka guru-guru yang ada terpaksa bekerja lebih.

Walaupun SMK Sandakan terletak di bandar Sandakan tetapi sekolah ini pada 20hb Februari, 1984 masih kekurangan 67 kerusi dan 52 meja. Alat-alat sains di makmal sangat berkurangan. Buku-buku pinjaman untuk pelajar-pelajar miskin juga tidak mencukupi. Peruntukan untuk memelihara bangunan-bangunan sekolah ini sudah dihentikan semenjak tahun 1983. Buku-buku yang dihantar oleh Jabatan

Pelajaran Negeri Sabah untuk kutub-khanah sudah ketinggalan zaman dan buku-buku Bahasa Malaysia masih menggunakan ejaan lama. Kemudahan-kemudahan terdapat di SMK Sandakan adalah jauh lebih baik, jika dibandingkan dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah luar bandar.

Baharu-baharu ini Ahli Yang Berhormat dari Silam, Sabah telah memberitahu Dewan ini bahawasanya di kawasanya terdapat sekolah-sekolah di mana murid-muridnya duduk di lantai, rumah guru di luar bandar adalah sangat kurang, atau adakalanya guru-guru terpaksa mendirikan rumah-rumah haram di kawasan-kawasan sekolah.

Saya sangat sedih melihat keadaan guru-guru yang berkhidmat di pendalaman Sabah. Mereka berkhidmat di sekolah yang serba kekurangan. Di samping itu mereka terpaksa berkorban untuk hidup sebagai guru dalam suasana dan alam sekitar yang tidak langsung menggalakkan. Oleh itu saya merayu Kementerian Pelajaran dapat menimbangankan memberi guru-guru berkhidmat di luar bandar Sabah elaun galakan, selain daripada elaun-elaun yang ada pada masa ini.

Pentadbiran dan semangat berkhidmat kakitangan Jabatan Pelajaran Sabah adalah juga terlibat secara langsung untuk menaikkan taraf pencapaian.....

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, bolehkah saya minta Yang Berhormat duduk sebentar. Saya rasa Yang Berhormat tentu maklum, bahawa kita dalam pertimbangan Kertas Perintah 13 tahun 1984 iaitu tajuk isi ucapan Yang Berhormat menyentuh muka surat 387, saya rasa, hingga muka surat 406 dan dasar-dasar yang berbangkit dalam Kajian Semula Rancangan Lima Tahun Malaysia Keempat. Jadi saya mohon agar Yang Berhormat membincangkan dari segi yang luas sedikit kalau boleh.

*5.28 ptg.*

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian cuma membincangkan sedikit berkenaan dengan masalah pelajaran, kerana rasa saya pelajaran ini amat perlu, jika kita ingin mencapai dengan sebaik-baiknya matlamat Rancangan Malaysia Keempat.

Saya sangat tertarik dengan amalan Jabatan Pelajaran Sabah yang saya rasa tidak diamalkan oleh mana-mana Jabatan Pelajaran di Semenanjung Malaysia atau Sarawak iaitu tentang pemusatan tugas-tugas pentadbiran seharian. Sebagai contoh, saya ingin mengambil beberapa kejadian di sini, iaitu pembayaran bil-bil elektrik, air dan telefon yang seharusnya dibuat oleh sekolah atau Jabatan-jabatan Pelajaran Daerah tetapi di Sabah semua kerja-kerja ini dikendalikan oleh Jabatan Pelajaran Kota Kinabalu dan ini tentunya melambatkan proses kelicinan pentadbiran Jabatan Pelajaran yang sedikit sebanyak juga menghindarkan pencapaian taraf pelajaran yang baik.

Begitu juga dengan jadual-jadual lawatan penyelia sekolah-sekolah. Ini kesemua hendaklah dikendalikan oleh Jabatan Pelajaran di Kota Kinabalu dan Jabatan Pelajaran di daerah-daerah tidak mempunyai tanggungjawab langsung berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga ketidakseimbangan pangkat di antara pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran Sabah dengan Pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran di lain-lain Negeri yang memegang jawatan yang sama. Sebagai contoh, Penyelia-penyelia Sekolah di Sabah mempunyai pangkat yang rendah daripada rakan-rakan sejawat mereka di Semenanjung dan Sarawak. Juga Pegawai Pelajaran di Sabah memegang jawatan tanggagaji A19 tetapi Pegawai Pelajaran di Semenanjung Malaysia dan Sarawak adalah dalam Superscale

“G”. Saya merayu, agar Kementerian menyemak keadaan ini dan saya berharap perkara ini dapat diselaraskan demi untuk kepentingan integrasi nasional.

Pada keseluruhannya, mutu pentadbiran Jabatan Pelajaran di Sabah telah mencapai satu tahap yang memuaskan. Ini terbukti daripada persediaan baik yang dibuat oleh Pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran Sabah yang menghadiri mesyuarat-mesyuarat penting.

Saya juga kagum tentang dedikasi dan azam yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai yang bertungkus lumus menolong dan membantu sekolah-sekolah di luar bandar terutamanya dari segi mendirikan bangunan-bangunan sekolah kilat dan sekolah-sekolah cawangan di luar bandar.

Demi untuk memperbaiki lagi keadaan, saya merayu Kementerian Pelajaran untuk melantik seorang anak tempatan sebagai Timbalan Pengarah Pelajaran, Sabah. Timbalan Pengarah Pelajaran yang dilantik dari kalangan pegawai tempatan akan dapat memberi nasihat dan pandangan kepada Pengarah tentang keadaan setempat dengan baiknya. Dengan mengambil langkah ini, maka bertambah baiklah lagi perkhidmatan Jabatan Pelajaran di Negeri Sabah.

Akhirnya, saya menyokong ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29hb. Mac, 1984 berkenaan dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Sekian dan terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

5.33 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan di atas saranan dan ketegasannya membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat di Dewan yang mulia ini untuk dapat diperbincangkan seterusnya bagi dapat mencapai harapan dan kejayaan sepertimana yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini adalah untuk dapat meneliti sejauh manakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sehingga ini dan apakah pula permasalahannya serta merumuskan kembali strategi-strategi baru yang berasaskan kepada konsep-konsep baru negara yang diperkenalkan sekarang.

Saya amatlah mengalu-alukan atas saranan dan strategi Kerajaan di dalam arahan baru pembangunan negara yang menjadi asas perancangan masa depan Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berjaya dari segi ekonomi dan juga menanamkan semangat rakyat untuk terus melibatkan diri dan berusaha dengan sikap berdikari dari kemudahan-kemudahan asas dan peluang-peluang galakan yang dirancangan sehingga ini.

Harapan pembangunan adalah untuk dapat dinikmati oleh rakyat. Yang pertamanya, untuk menikmati atas wujudnya kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang daripada pembangunan yang dilaksanakan.

Yang keduanya untuk menikmati atas faedah secara langsung yang didapati menerusi penyertaan dan penglibatan terhadap wujudnya pembangunan-pembangunan yang dilaksanakan.

Menikmati wujudnya kemudahan-kemudahan, peluang-peluang daripada pembangunan-pembangunan yang dilaksanakan ini, saya percaya itu adalah suatu yang amat mudah dan mungkin setiap rakyat akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas yang disediakan. Tetapi untuk

menikmati atas faedah langsung yang didapati menerusi penyertaan dan penglibatan terhadap wujudnya pembangunan yang dilaksanakan itu, saya rasa ini adalah agak sesuatu yang tidak mudah diperkatakan kerana untuk menikmati peluang-peluang dan faedah-faedah langsung, ianya mungkin terletak pada dua pihak.

Yang pertamanya, pihak yang membuat perancangan untuk memberi manfaat dan faedah kepada sasarannya. Dan yang keduanya, pihak penglibatan dan penyertaan oleh kalangan kumpulan sasaran iaitu rakyat jelata.

Apa yang suka saya memperbincangkan masalah ini ialah kerana kedapatannya kadangkala perancangan-perancangan pembangunan untuk faedah rakyat telah tidak dikenalpasti dengan sebaik-baiknya dan telah tidak dirancangan dengan sebaik-baiknya juga untuk dapat memberi peluang penglibatan secara langsung dan menikmati faedah pembangunan yang dirancangan itu, maka sudah pastilah perancangan dan pelaksanaan pembangunan yang dilaksanakan hanya merupakan pelaksanaan yang boleh dinikmati kemudahan-kemudahan asas begitu sahaja.

Dan begitu juga, kalau sekiranya perancangan-perancangan yang dibuat untuk sesuatu pembangunan yang dibelanjakan dengan beribu-ribu juta ringgit tidak disedari dan tidak dilibati atau disertai oleh kumpulan sasaran atau rakyat, maka ianya juga tidak bererti rakyat akan menikmati daripada peluang-peluang dan projek-projek pembangunan yang dibelanjakan beribu-ribu juta ringgit itu.

Jadi di sini sukalah saya menyarankan supaya pihak yang membuat dasar dan pelaksanaan dasar agar dapat menyusun suatu strategi dengan mengenalpasti strategi-strateginya itu dengan sebaik-baiknya supaya matlamat pembangunan itu

dapat memberikan peluang langsung yang boleh didapati menerusi penyertaan dan penglibatan oleh rakyat di atas beribu-ribu juta perbelanjaan yang dikeluarkan itu.

Kalau ini tidak dapat dibuat, maka seperti yang pernah saya perkatakan berkali-kali di Dewan ini, pembangunan yang dilaksanakan itu tidak ubahlah sepertimana lampu neon yang dipasang di pinggir-pinggir kota dan di pinggir-pinggir bandar dan diterpai atau didatangi oleh kelkatu-kelkatu untuk menikmati keindahan-keindahannya. Maksud saya, keindahan lampu-lampu neon tadi. Dan akhirnya yang membawa kesan kepada kelkatu-kelkatu tadi telah mati kepanasan tanpa mendapat apa-apa yang dihajati daripada penumpuan yang telah ditumpui oleh kelkatu tadi. Inilah, pada pandangan saya, mengenai strategi-strategi pembangunan yang perlu diteliti, semoga ianya dapat mencerminkan ataupun membawa manfaat yang boleh dinikmati sepenuhnya. Dan kepada kelompok ataupun kumpulan sasaran, haruslah juga diberi penjelasan dan penerangan sebaik-baiknya.

Semoga peluang daripada pembangunan yang boleh disertai secara langsung ini disedari dan diikuti sama ada menerusi orang-orang perseorangan ataupun jika tidak menerusi agensi-agensi masyarakat luar bandar seperti koperasi peladang, pertubuhan peladang ataupun agensi-agensi lain yang dapat menyertainya dan memberi peluang untuk faedah dan dinikmati oleh masyarakat umum iaitu rakyat di luar bandar.

Harapan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sekali dua saya telah memperkatakan di Dewan ini. Dan kebetulannya pada masa ini kita sedang membincangkan tentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini maka sekali lagi saya

sarankan semoga apa yang saya sebutkan tadi mendapat perhatian yang serius dan merencangkannya sesuatu strategi agar benar-benar membawa kesan dan manfaat yang menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyetujui dan sependapat bahawa untuk meningkatkan aktiviti negara, penglibatan dan sikap rakyat adalah merupakan peranan terpenting. Tenaga manusia dan kepintaran mereka juga adalah merupakan punca kekayaan yang pertama dan utama, seperti yang disarankan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Walau bagaimanapun perancangan dan strategi-strategi yang dirancangan sehingga ini, kita merasai agak kecewa kerana kedapatan kemiskinan yang meningkat di negara kita ini pada keseluruhannya daripada tahun 1980 sebanyak 29% kepada 30.3% pada tahun 1983. Jadi jelaslah di sini bahawa matlamat untuk membasmi kemiskinan itu adalah suatu angan-angan. Dan bagi saya tidak mungkin dapat membasmi kemiskinan, kecuali kalau diperkatakan matlamat untuk mengurangkan sektor kemiskinan ini. Sungguhpun takrif kemiskinan di negara kita ini tidaklah bererti sepertimana kemiskinan yang di setengah negara-negara membangun yang mana kemiskinan bererti kebuluran sedangkan di negara kita ini kemiskinan di nilai dari segi pertumbuhan pembangunan. Tetapi pada saya, saya rasa kesan pembangunan dan pertumbuhan pembahagian kekayaan negara masih lagi di peringkat jurang yang meningkat bukan untuk dapat cuba menyelesaikan ataupun mengurangkan kemiskinan yang ada. Punca kemiskinan yang berlarutan pernah saya nyatakan di Dewan ini berkali-kali dan di dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung baru ini juga, saya telah nyatakan satu persatunya tentang faktor-faktor kemiskinan yang masih berlarutan.

Faktor-faktor yang pernah saya sebutkan itu ialah faktor tanah, faktor pengetahuan, pelajaran dan kebolehan, faktor kesungguhan dan tingkat daya pengeluaran sama ada menggunakan penuh tenaga dan masa dan juga faktor nilai sikap yang negatif. Daripada berbagai-bagai perancangan dan strategi pembangunan yang dilaksanakan di negara kita ini, tetapi kita masih kedapatan kedudukan kemiskinan ini meningkat daripada keadaan yang ada.

Pada tahun 1980, 29% kepada tahun 1983, 30.3%. Ini disebabkan oleh kerana faktor-faktor yang saya sebutkan tadi dan juga oleh sebab kedudukan kemelesetan ekonomi dunia yang juga membawa kesannya kepada perkembangan sektor miskin yang agak merasai lebih teruk daripada sektor yang berada. Dan inilah yang kerap kali saya memperkatakan di dalam perbincangan-perbincangan dan khasnya di Dewan ini supaya sekiranya matlamat untuk mengurang ataupun apa lagi untuk membasmi kemiskinan ini maka pastilah kita rancangkan satu program dan strategi yang tertentu ataupun kita fokuskan ke atas sesuatu sektor yang tertentu ataupun kelompok dan kumpulan yang tertentu. Kalau sekiranya keadaan ini tidak dilakukan sedemikian rupa dan perancangan dibuat di peringkat yang menyeluruh seperti keadaan hari ini maka sudah pastilah kumpulan-kumpulan yang kurang kemampuan tidak akan dapat menyertai bersama-sama persaingan dengan kumpulan-kumpulan yang lebih berkemampuan. Dan jika kita misalnya kepada jari kita ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang tidak sama tinggi rendahnya ini. Jika diletakkan satu syilingnya begini. Dan jika tonjolan jari ini naik ke atas bererti yang panjang akan sampai dahulu. Yang sederhana akan sampai kemudian sedikit. Yang pendek dan yang lagi pendek akan kemudian dan kemudian lagi.

Jadi dengan ini berertilah sekiranya perancangan-perancangan yang dibuat

masih lagi dalam konsep yang menyeluruh, harapan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu merapatkan jurang kumpulan yang berada dan tidak berada ataupun hendak membasmi kemiskinan ini tidak mungkin akan selesai sampai bila-bila kerana sudah pastilah kalau kita letakkan perlumbaan semua jenis kenderaan, sama ada kenderaan besar, kenderaan kecil dan yang terkecil, maka bererti kenderaan yang besarlah akan lebih laju dan sampai ke matlamatnya daripada kenderaan yang sederhana dan kenderaan yang kecil. Dan inilah yang lahirnya berbagai-bagai strategi dan lahirnya berbagai-bagai ejensi serta lahirnya berbagai konsep dan idea. Tetapi bagi saya kalau sekiranya konsep dan idea ejensi yang ditubuhkan juga hanya tertumpu kepada fungsi yang tertentu tetapi tidak menyeluruh kepada penyelesaian daripada berbagai faktor yang menimbulkan masalah yang timbul. Maka pastilah ianya juga tidak akan membawa apa-apa kesan. Jadi dengan yang demikian, saya berharap semoga di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini saranan-saranan yang saya kemukakan tadi haruslah dijadikan garis panduan dan diambil kira supaya perancangannya kelak akan membawa kekesanan dan hasil yang lebih meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Kerajaan untuk mencapai sesuatu kejayaan di dalam sesebuah negara baik pun negara di mana-mana juga di dunia ini ialah menerusi empat perkara.

Yang pertama mewujudkan dan menyediakan kemudahan asas iaitu kemudahan infrastruktur.

Yang kedua, mewujudkan peluang-peluang bagi penyertaan dan penglibatan iaitu penglibatan rakyat.

Yang ketiga, kemudahan latihan, bimbingan dan nasihat-nasihat; dan

Yang keempat, peluang bantuan dan pinjaman bagi kemajuan usahawan dan sebagainya.

Saya percaya di segi Kerajaan peranan ini sedia ada sekarang ini dan peranan ini juga telah dilaksanakan sekarang ini. Tetapi sejauh manakah kesan, sejauh manakah kejayaan? Mungkin saya tidak nafikan bahawa ada laporan-laporan yang menunjukkan kejayaan dan kesan tetapi tidak kurang juga permasalahannya yang ditimbulkan ataupun yang timbul daripada usaha-usaha dan pelaksanaan yang dijalankan.

Bagi saya, bagi mereka yang mengamalkan konsep "cekap, bersih dan amanah" tidaklah mengapa kerana bagi mereka ini tidak segan dan silu menyatakan di atas kebenaran dan kenyataan walaupun kebenaran dan kenyataannya itu menjadi cabaran kepada dirinya. Tetapi yang menjadi masalah bagi saya dan saya mempunyai beberapa bukti yang tertentu di mana kadang-kadang di dalam pelaksanaan-pelaksanaan peranan dan tanggungjawab yang diusahakan oleh Kerajaan seperti yang saya sebutkan tadi kejayaan yang kecil diperbesar-besarkan, masalah-masalah ditutupkan, tidak ditimbulkan. Maka berertilah seumpamanya menyapu sampah masuk di bawah tikar, yang akhirnya sampah itu bukan sahaja membebankan keadaan tempatan itu tetapi tikar itu juga akan reput sama sekali. Inilah yang perlu diberi perhatian dan kesempatan ini saya menyokong penuh di atas saranan dan cadangan Wakil dari Kapit yang bercakap tadi meminta supaya pihak Kerajaan menubuhkan satu agensi pengesanan di peringkat pusat (Central Monitoring Committee) untuk dapat membuat pengkajian dan penelitian supaya dapat mengesan pada semasa di atas semua perancangan sama ada memberi manfaat, membawa kesan ataupun menimbulkan masalah ataupun permasalahan.

Saya tidak menafikan bahawa sekarang ini ada unit yang ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri sedang membuat penelitian tetapi kalau sekiranya unit itu mempunyai tanggungjawab yang lain dan unit itu juga banyak tugas-tugasnya sudah pastilah ianya tidak dapat memberi penumpuan kepada penentuan keadaan-keadaan yang ada seperti yang saya katakan tadi. Jadi, amat baiklah kalau sekiranya pihak Kerajaan dan Kementerian-kementerian mengambil perhatian di atas saranan ini, semoga dengan ini akan dapat membawa kebaikan dan peningkatan lagi kepada pencapaian segala maksud dan matlamat pembangunan dan harapan pencapaian kemakmuran bagi negara dan juga bagi dinikmati oleh rakyat ini dapat dicapai sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, konsep penswastaaan walaupun konsep ini baharu tetapi nampaknya konsep ini mendapat sambutan dan saya juga amat menarik hati di atas cadangan konsep penswastaaan oleh Kerajaan dan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini. Kerana dengan ini akan mengurangkan beban Kerajaan dan beban di swasta awam di samping ianya juga akan menarik tanggungjawab swasta dan penglibatan rakyat di dalam semua bidang pembangunan dan kemajuan untuk rakyat dan negara. Apa yang menjadi harapan ialah agar semua memahami hasrat tanggungjawab bersama untuk turut dan dinikmati bersama. Kalau sekiranya konsep ini dikemukakan tetapi banyak pihak yang tidak memahami dan tidak difahamkan kepada mereka sama ada di peringkat swasta, perseorangan ataupun juga di peringkat rakyat jelata maka pastilah konsep dan rancangan ini juga tidak akan membawa kesan yang menyeluruh. Di dalam usaha-usaha penswastaaan ini saya menyarankan supaya dibuka dengan lebih luas lagi di dalam berbagai-bagai bidang yang boleh disertai dan dilibati bukan sahaja oleh pihak agensi swasta tetapi yang dapat

dilibati ataupun dituruti oleh sebilangan besar rakyat. Kalau ini dapat dilaksanakan dengan jayanya maka berertilah tugas dan tanggungjawab pembangunan dan kemajuan rakyat dan negara adalah terletak di atas semua peringkat dan semua pihak. Dan apabila semua pihak dan semua peringkat meletakkan tanggungjawabnya di dalam hasrat untuk kemajuan rakyat dan negara maka bererti pencapaian dan kekesanan yang kita kehendaki kepada matlamat kita itu akan dapat dipercepatkan dan lebih banyak memberi manfaat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan di luar bandar khasnya dan juga untuk dapat mencapai lebih banyak matlamat Dasar Ekonomi Baru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyaran dan telah membawa berbagai-bagai konsep dan berbagai-bagai saranan. Saya amat menyetujui di atas pandangan-pandangan konsep dan saranan-saranan yang dikemukakan terutama sekali kepada usaha-usaha untuk mempertingkatkan daya pengeluaran dan mempertingkatkan kedudukan sosio ekonomi bagi penduduk-penduduk di luar bandar.

Setakat inipun boleh dikatakan pembangunan-pembangunan di luar bandar telah nampak banyak membawa kekesanan yang membawa perubahan dan kemajuan serta kejayaan. Tetapi seperti yang saya katakan tadi oleh kerana kumpulan yang rendah ataupun kumpulan yang kecil ianya dapat menikmati pada kadar yang kecil dan rendah juga jika dibandingkan dengan kumpulan yang tinggi ataupun kumpulan yang lebih berkemampuan dan besar. Dengan yang demikian harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan konsep baru supaya diwujudkan usaha-usaha yang bersistematik sepertimana tanaman padi berkelompok, mengadakan estet-estet getah berkelompok atau sebagainya, ini

boleh dikatakan di antara saranan-saranan yang satu-satunya yang boleh dipilih sekarang ini untuk dapat membawa kejayaan dan kesempurnaan yang menyeluruh.

Bagi kumpulan-kumpulan yang kecil dan miskin ini jika hanya untuk diberi peluang membangun dan mencapai kejayaan di peringkat perseorangan pasti sampai bila-bila masapun tidak mampu untuk menyertainya kecuali dengan menerusi sistem-sistem berkelompok ataupun koperasi-koperasi ataupun Pertubuhan-pertubuhan Peladang yang diwujudkan, dirancangan suatu usaha pembangunan yang boleh disertai dan dilibati secara berkesan dengan bersemitatik, barulah ianya dapat memberi jaminan. Tetapi seperti yang saya katakan tadi juga bahawa peranan yang diberikan untuk menyelesaikan masalah-masalah daripada konsep-konsep yang dikemukakan ini, terdapat banyaknya agensi-agensi yang diwujudkan sekarang ini.

Inilah yang menjadi masalah kadangkala apabila terlampau banyak agensi yang ditugaskan sudah menjadi ribut dan masing-masing agensi mempunyai kewibawaan masing-masing dan mempunyai pandangan dan sikapnya masing-masing, terutama apabila tugas ini diberikan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan dengan diberikan mandat melaksanakannya berasaskan kepada budi bicaranya. Manusia kita ini kepala sama hitam tetapi pemikiran, idea berlainan dan hati perut juga berlainan. Dengan yang demikian berertilah budi bicara ini berbagai-bagai keadaan, kadangkadangkang budi bicara yang langsung tidak boleh diikuti dan membawa apa-apa kesan yang manfaat.

Saya tidak menafikan bahawa banyak pegawai-pegawai Kerajaan dan pegawai-pegawai agensi kita yang bertungkus lumus dan bermati-matian memikir dan merancang strategi-strategi berdasarkan budi bicaranya

untuk membangunkan masyarakat, khususnya kepada masyarakat-masyarakat miskin di desa-desa. Tetapi seperti yang saya katakan tadi kalau sekiranya agensi-agensinya juga terhad dan kemampuannya juga terhad maka sudah pastilah apa yang dia boleh buat itu juga adalah agak terhad. Kalau agensi ini terhad, agensi itu terhad, agensi yang lain-lain lagi pun terhad, maka semuanya terhad; sebab itu semuanya tidak akan sampai kepada matlamat dan tujuannya.

Jadi sukalah saya sarankan di sini agar apabila banyaknya agensi-agensi yang tertumpu kepada usaha-usaha pembasmian kemiskinan di desa-desa dan luar bandar ini diwujudkan satu penyelarasan dan jika perlu sama ada pihak Kementerian yang berkenaan mengambil inisiatifnya menyelaraskan semua agensi-agensi ini dan melaksanakan satu program dan strategi yang saksama supaya matlamat yang diharapkan itu akan sampai daripada awal ke akhirnya. Kalau sekiranya tidak dirancangan sedemikian rupa, maka saya percaya lagi satu kegagalan yang kita akan hadapi bukan sahaja selepas tarikh penggal Rancangan Malaysia Keempat malahan sehingga Rancangan Malaysia Kelima juga akan berterusan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, saya ingin bertanya semata-mata untuk panduan bagi diri saya, berapa lamakah agaknya Yang Berhormat ini hendak berucap lagi?

**Tuan Ismail bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, tidak lama, sedikit sahaja lagi.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Sila teruskan.

**Tuan Ismail bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saranan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah untuk dapat mewujudkan lebih banyak peluang-peluang perindustrian di negara kita ini untuk dapat menampung kedudukan yang ada



di dalam negara sama ada untuk menampung pertumbuhan ekonomi ataupun menampung peluang-peluang penglibatan dan penyertaan rakyat di dalam negara kita. Banyak perancangan-perancangan mewujudkan perindustrian di negara kita ini telah dirancang tetapi kebanyakannya perindustrian-perindustrian ini ditumpukan di pusat-pusat bandar di kawasan-kawasan yang tertentu sahaja.

Sungguhpun agak menyeluruh bagi industri-industri yang agak sederhana tetapi bagi industri-industri yang besar-besar masih lagi tertumpu kepada kawasan-kawasan ataupun persekitaran-persekitaran yang tertentu. Bagi saya sekiranya kita berkehendakkan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri supaya dapat mewujudkan peluang-peluang pengagihan kekayaan di negara kita ini agak menyeluruh, saya rasa eloklah Kerajaan sendiri merancang supaya industri-industri daripada komponen industri-industri yang besar ini dapat diberi peluang didirikan di seluruh kawasan-kawasan luar bandar ataupun sekurang-kurangnya di kawasan pusat-pusat pembangunan GERAKTANI di negara kita ini. Kerana dengan ini akan dapat memberi peluang penglibatan, penyertaan dan juga menikmati daripada kemudahan-kemudahan dan pencapaian daripada matlamat kita mewujudkan perindustrian-perindustrian di negara kita dan sekurang-kurangnya juga akan memberi peluang-peluang pekerjaan dan peluang-peluang ekonomi sampingan kepada sektor-sektor pertanian di kawasan luar bandar.

Seperti yang saya katakan tadi juga bahawa di antara faktor kemiskinan adalah disebabkan oleh kerana kesungguhan dan tingkat daya pengeluaran termasuklah penggunaan tenaga dan masa. Apa yang saya dapati di kawasan-kawasan luar bandar sekarang ini usaha-usaha pertanian yang mereka laksanakan menggunakan masa dan

tenaga yang amat kecil sedangkan mereka memerlukan tanggungan sara hidup yang sama. Misalnya daripada kajian yang kita telah dapati di dalam kawasan MADA kerana di dalam kawasan MADA di bawah Projek MUDA II dibiayai oleh Bank Dunia dan ada pakar-pakar dari Jepun sedang membuat kajian di sana. Apa yang kita dapati dalam satu hektar bagi satu musim untuk tanaman secara tabur terus, petani-petani di sana hanya menggunakan masa dan tenaga di atas kadar 136.1 jam sahaja bagi tempoh 6 bulan jika dibandingkan dengan apa yang diusaha dan dilaksanakan oleh petani-petani di negara Jepun khususnya, mereka bekerja bagi satu hektar dalam satu musim 6 bulan ialah sebanyak 400 sehingga 600 jam. Ini menunjukkan bahawa guna tenaga dan masa masih terbuang dan tidak digunakan sepenuhnya sekarang ini melainkan dengan wujudnya peluang-peluang perancangan perindustrian-perindustrian kecil atau sebagainya ataupun digalakkan pertumbuhan-pertumbuhan usahawan-usahawan berdasarkan kemahiran dan sebagainya mungkin akan dapat kita gunakan tenaga dan masa yang ada itu bagi mendatangkan hasil dan faedah. Tetapi ini semua adalah bergantung kepada perancangan yang ada oleh agensi Kerajaan, oleh strategi dan dasar Kerajaan yang ada pada masa ini.

Kalau sekiranya strategi dan dasar serta pelaksanaan menerusi agensi-agensi masih lagi beku dan tidak dirancang sejajar dengan keperluan yang dikehendaki ke atas penekanan yang diharap-harapkan ini, maka ianya masih lagi akan kekal di peringkat yang lama dan tidak akan membawa apa-apa hasil di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi menarik perhatian saya ialah tentang penyiasatan kesejahteraan hidup isi rumah Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi bagi tahun 1982 yang juga terdapat di dalam buku Kajian Separuh

Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini, di mana kita dapati pendapatan per kapita bulanan isi rumah bagi kawasan luar bandar, kita masih lagi kedapatan negeri-negeri yang mundur selama ini iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak di paras yang agak rendah. Hal ini telah pun Kerajaan sedari dan saya percaya agensi-agensi Kerajaan malahan Kementerian-kementerian dan Kerajaan sendiri yang merangka buku ini dan menyediakan laporan ini telah lebih dahulu mengetahui dan melihat bagaimanakah bezanya kedudukan per kapita yang ada ini.

Di sini suka saya menarik perhatian pihak Kerajaan supaya jangan hanya dapat menyatakan laporan ini di dalam buku yang secantik ini tetapi tidak diikuti dengan usaha-usaha yang seterusnya. Bagi negeri-negeri yang miskin terutamanya Kedah yang saya wakili ini kebanyakannya ialah negeri-negeri yang bergantung kepada pertanian. Dan kedudukan pertanian ini mengikut kata yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Menteri-menteri Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu iaitu FAO yang diadakan di Geneva bahawa pergantungan kepada sektor pertanian terutama sekali pertanian untuk bahan makanan sudah pasti risikonya amat tinggi. Dengan itu jika sekiranya Kerajaan mana-mana negara juga di dunia ini memerlukan jaminan penghasilan kepada pengeluaran hasil pertanian untuk kepentingan negara bererti Kerajaan sama ada mahu atau tidak mahu mengambil rasa tanggungjawab dan mengambil peranan di atas risiko yang saya katakan tadi.

Dengan itu Kedah misalnya mengeluarkan padi ataupun bahan keperluan makanan bagi negara kita ini sebanyak 54% daripada pengeluaran negara dan telah dapat membawa penjimatan wang beratus-ratus juta ringgit daripada mengeksportkan beras daripada luar negeri ke negeri ini. Tetapi faedah

yang didapati oleh negeri Kedah secara langsung dan tidak langsung tidak timbul langsung, kecuali Terengganu oleh kerana minyak terdapat di Terengganu. Royalti minyak sahaja satu hari lebih daripada \$300,000. Dengan ini berertilah negeri-negeri yang mundur atau kurang maju yang bergantung kepada sektor pertanian ini tidak akan dapat membangunkan negeri itu secara bersendirian melainkan hanya mengharap kepada Kerajaan Pusat. Apakah perhatian Kerajaan Pusat yang langsung terhadap sumbangan yang begitu besar rakyat negeri Kedah dan Kerajaan Negeri Kedah terhadap Kerajaan Pusat. Mungkin kita tidak bercadang untuk meminta royalti kerana mengeluarkan beras. Tetapi kita mengharap supaya Kerajaan Pusat memberi peruntukan yang berpatutan kepada rancangan-rancangan yang dibuat untuk dapat mempertingkatkan usaha-usaha penghasilan yang lebih bagi dapat meningkatkan kedudukan ekonomi, kedudukan penduduk-penduduk di negeri Kedah itu sendiri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri daripada negeri Kedah sentiasa memaklumi hal ini. Tetapi mungkin ianya takut dikatakan bahawa ianya telah memberi keutamaan kepada negerinya sendiri. Tetapi daripada apa yang ditunjukkan dalam Laporan Kajian Separuh Penggal ini jelas bahawa terpaksalah Perdana Menteri dan Kerajaan memberi perhatian dan tidak boleh dipandang sepi di atas keadaan yang sedang berlaku sekarang ini.

Tadi wakil dari Ulu Muda telah menyatakan bahawa adanya agensi-agensi wilayah yang ditugaskan terutama sekali untuk menyelesaikan masalah-masalah kemiskinan di kawasan-kawasan yang telah pun dikenal pasti iaitu enam kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan yang termiskin di dalam negara kita ini dan enam ini adalah terdapat di dalam negeri Kedah. Agensi wilayah telah ditubuhkan iaitu KEDA tetapi

saya dapati pihak pegawai-pegawai dan pengurusan KEDA sendiri sedang pening kepala sekarang ini. Diarahkan supaya merancang usaha-usaha pembangunan yang boleh mewujudkan penyertaan dan penglibatan rakyat, menyelesaikan masalah kemiskinan sedangkan tidak ada peruntukan diberikan. Takkan boleh melaksanakan sesuatu tanpa perbelanjaan dan peruntukan. Inilah hakikat yang sebenarnya dan dengan itu saya berharaplah bahawa apa yang saya sarankan ini akan mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan khasnya Kementerian-kementerian yang berkenaan semoga apa yang diperkatakan juga dilaksanakan, dikotakan sejajar dengan apa yang dikatakan dan jangan pula seperti mana kata orang-orang Cina, "cakap tidak serupa bikin".

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong di atas cadangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan.

6.20 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Misbah (Kinabatangan):** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya masanya pendek, ucapan saya pun saya pendekkan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pertumbuhan ekonomi negara kita sebelum pelancaran Rancangan Malaysia Keempat adalah pesat dibandingkan dengan pertumbuhan ekonomi kebanyakan negara-negara sedang membangun yang lain kita dapati usaha-usaha untuk mengurangkan kemiskinan setakat ini masih belum lagi menunjukkan hasil yang memuaskan.

Jadual 3 Rancangan Malaysia Keempat, muka surat 44 Perenggan 3.4 menunjukkan bahawa kadar purata kemiskinan di seluruh Semenanjung Malaysia ialah 35.1% dan di negeri Sabah pada kadar purata kemiskinan ialah 51.2%. Dan kadar purata kemiskinan di seluruh negara pula ialah 37.7%.

Di kawasan-kawasan luar bandar kadar kemiskinan ialah 5.86% di negeri Sabah dan 42.8% di negeri-negeri Semenanjung.

Dalam kawasan-kawasan bandar pula kadar kemiskinan ialah 19.2% di negeri Sabah dan 15.1% di Semenanjung Malaysia.

Jadual 9 Rancangan Malaysia Keempat muka surat 52, perenggan 3.8 menunjukkan bahawa 66.4% di negeri Sabah, 35.4% di Semenanjung Malaysia dan 42.4% bagi seluruh negara kita tidak mempunyai pelajaran yang formal. Dalam masa 6 tahun kebelakangan ini kadar kemiskinan di Sabah telah turun daripada 51.2% kepada 29.2% yang mengikut bancian yang dijalankan dalam tahun 1982.

Perangkaan-perangkaan ini menunjukkan bahawa sebanyak \$500 sebulan adalah diperlukan untuk menampung perbelanjaan sebuah keluarga seramai 5 orang. Walau bagaimanapun, kejatuhan kadar kemiskinan di negeri Sabah seperti yang saya sebutkan tadi adalah sangat mengelirukan dan mewujudkan satu pertelingkahan kerana tahap kemudahan-kemudahan awam di negeri Sabah seperti kesihatan, pelajaran, bekalan elektrik, bekalan air dan sistem dan keadaan jalanraya-jalanraya di negeri Sabah adalah terlalu rendah jika perkhidmatan-perkhidmatan itu dibandingkan dengan purata national standard, dengan izin.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat, negeri Sabah telah mendapat peruntukan asal berjumlah sebanyak

\$3.17 ribu juta daripada Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, daripada jumlah \$3.17 ribu juta itu Kerajaan Negeri Sabah sendiri telah menyumbangkan peruntukan berjumlah \$1.32 ribu juta ataupun kira-kira 38.8%. Oleh itu perangkaan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan hanya memberikan peruntukan kepada negeri Sabah bagi Rancangan Malaysia Keempat berjumlah hanya \$1.85 ribu juta ataupun kira-kira 4.7% sahaja daripada keseluruhannya peruntukan Rancangan Malaysia Keempat bagi seluruh negara.

Berdasarkan kepada angka-angka tadi maka dalam Rancangan Malaysia Keempat negeri Sabah adalah negeri yang kedua paling sedikit mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual No. 2, Rancangan Malaysia Keempat muka surat 102, Perenggan 5.3 purata pertumbuhan ekonomi bagi negeri Sabah bagi tahun 1972 hingga 1980 ialah 9.4%. Walau bagaimanapun, pertumbuhan purata tahunan ekonomi negeri Sabah bagi kadar purata per kapita hanyalah 4% sahaja.

Nampaknya kadar tinggi pertumbuhan ekonomi negeri Sabah adalah daripada hasil sektor perlombongan iaitu petroleum. Kalaulah pendapatan Kerajaan Negeri Sabah daripada Kerajaan Persekutuan itu iaitu dalam bentuk bayaran royalti sebanyak 5% sahaja daripada hasil minyak dari negeri Sabah dan hasil-hasil daripada lain-lain jenis perlombongan di negeri itu maka sudah tentulah pertumbuhan ekonomi negeri Sabah memanglah sangat rendah daripada 9.4% yang saya sebutkan tadi dan akan tetap berada pada paras 4% sahaja ataupun lagi menurun daripada angka 4% ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang sebegini rupa saya merayu kepada

Kerajaan Persekutuan supaya menambahkan lagi peruntukan kepada negeri Sabah untuk mempertingkatkan lagi sistem infrastruktur dan perkhidmatan-perkhidmatan umum di negeri Sabah. Sistem infrastruktur dan perkhidmatan-perkhidmatan umum yang tidak sempurna di negeri Sabah sekarang akan mewujudkan keadaan-keadaan seperti berikut:

- (1) kegagalan atau gangguan pembangunan ekonomi;
- (2) kos pengeluaran yang sangat mahal;
- (3) usaha-usaha Kerajaan negeri Sabah untuk meninggikan taraf hidup dan menurunkan kadar kemiskinan mungkin gagal atau tergendala jika tambahan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan tidak diperolehi. Lebih buruk lagi kesannya jika peruntukan itu dipotong atau dikurangkan lagi oleh Kerajaan Persekutuan.

Ukuran-ukuran daripada kesan-kesan buruk seperti yang saya bayangkan tadi pembangunan atau perkembangan sektor perindustrian di Sabah akan menemui beberapa rintangan seperti berikut:

- (1) pasaran dalam negeri yang sangat terhad;
- (2) kekurangan kepakaran teknikal dan kepakaran pengurusan;
- (3) kekurangan pekerja mahir dan kemudahan-kemudahan infrasktruktur;
- (4) kos pengeluaran bahan-bahan perindustrian yang sangat mahal;
- (5) kos yang sangat mahal bagi tanah perindustrian dan bangunan perindustrian;
- (6) kos yang sangat mahal bagi bekalan air dan bekalan elektrik.

Selain daripada itu saya juga merayu sekali lagi kepada Kerajaan Persekutuan supaya menimbangkan semula untuk menaikkan kadar bayaran royalti minyak kepada negeri Sabah daripada 5% kepada 10%. Jika rayuan kadar kenaikan bayaran royalti minyak ini ke paras sukar dipertimbangkan kerana kita harus juga memikirkan kepentingan negeri-negeri lain di Malaysia yang tidak mengeluarkan hasil minyak dan kita haruslah memikirkan juga keperluan kewangan negeri-negeri tersebut maka saya suka mencadangkan pula kepada Kerajaan Persekutuan supaya kadar kenaikan 10% royalti minyak dibuat seperti berikut:

- (1) 7½% bagi negeri-negeri yang mengeluarkan minyak.
- (2) 2½% bagi negeri-negeri yang tidak mengeluarkan minyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sekali lagi merayu supaya pembinaan jambatan besi menyeberangi Sungai Kinabatangan dan mengetarkan jalan Sandakan ke Lahat Datu dan jalan raya dari Sandakan ke Telupid dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin kerana setiap tahun di musim hujan jalan raya-jalan raya ini rosak dan langsung tidak dapat digunakan. Lebih-lebih lagi kerana ketiga-tiga projek ini perlu dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat kerana sebab-sebab keselamatan dan juga kepentingan-kepentingan ketenteraan. Projek-projek ini juga boleh dihubungkan dengan kenderaan berat ke pusat-pusat pertumbuhan ekonomi di pantai timur, barat, utara dan selatan negeri Sabah.

Saya merayu supaya pembinaan Hospital Daerah Kinabatangan bertempat di Kota Kinabatangan dapat dilaksanakan secepat yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi sahaja tidak semestinya dapat mewujudkan pembangunan yang dapat

menyediakan satu keadaan di mana golongan berpendapatan rendah boleh memperolehi bukan sahaja pendapatan yang meningkat tetapi juga kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan seperti perumahan, bekalan elektrik dan air, kemudahan perubatan dan kesihatan.

Penyediaan kemudahan-kemudahan mungkin boleh diperkemas lagi dalam jangka masa Rancangan Malaysia Keempat sekiranya badan-badan tertentu dapat menitikberatkan tentang hal ini khususnya dari segi pencapaian matlamat pengurangan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, meninggikan pendapatan golongan miskin diharapkan akan dapat diberi keutamaan di tahun-tahun akan datang supaya jurang perbezaan pendapatan di antara golongan yang berada dan golongan yang miskin dapat dikurangkan. Hal ini makin menjadi ketara keperluannya kerana kemelesetan ekonomi negara-negara maju dalam 2 atau 3 tahun yang lepas telah juga menjejaskan kedudukan golongan miskin, sebahagian besarnya terdiri dari pekebun-pekebun kecil getah, penanam padi, nelayan, pekebun kecil kelapa, koko dan penduduk-penduduk kampung-kampung baru dan juga buruh pertanian. Lanjutan dari ini di bahagian akhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat, saya mencadangkan satu penelitian dan penekanan akan ditujukan kepada masalah kemiskinan yang melibatkan sebahagian besar dari rakyat negara ini di kawasan desa dan juga bandar, dan faktor-faktor yang mewujudkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan masyarakat negara ini.

Melalui pengenalan kita terhadap faktor-faktor yang menyebabkan masalah ini sebagai dasar yang menyeluruh boleh dimajukan supaya dalam jangka masa panjang penglibatan semua lapisan masyarakat dalam pembangunan ekonomi dapat

dipraktikkan. Ini juga bermakna yang dasar gunatenaga, dasar perkilangan dan dasar pelaburan mestilah dilihat dari segi matlamat untuk mengurangkan keadaan kemiskinan dan perbezaan agihan pendapatan dan juga dari segi matlamat menyusun semula masyarakat negara ini. Apabila kita membincangkan tentang dasar-dasar gunatenaga perkilangan dan juga pelaburan, kita tidak boleh mengelakkan dari soal-soal yang bersabit dengan isu perpindahan yang berlaku dengan cergasnya semenjak awal tahun 70an di kalangan muda-mudi dari kawasan desa ke bandar-bandar yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, proses pemindahan ini telah dipengaruhi bukan sahaja oleh kelemahan pertanian di bandar-bandar kecil, tetapi juga oleh proses pemandangan dan perkilangan di bandar-bandar besar di negara kita. Kesan yang ketara sekali ialah wujudnya pemusatan penduduk dan masalah setinggian di bandar-bandar besar. Ini juga merupakan satu aspek kemiskinan bukan sahaja dari segi pendapatan, tetapi dari segi kesesakan, dari segi kekurangan penyediaan perumahan, kemudahan seperti air, elektrik dan kemudahan pengangkutan. Memandangkan masalah ini mungkin berlanjutan jika dasar yang sesuai tidak dimajukan, proses pemandangan sendiri akan menjadi tidak teratur. Adalah diharapkan masalah ini akan diberi perhatian yang sewajarnya di bahagian akhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat. Keutamaan sepatutnya diberi kepada masalah perumahan dan penyediaan kemudahan-kemudahan asas yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang berkaitan dengan masalah perumahan, perpindahan dan pemandangan mesti juga dilihat dari segi dasar penempatan industri di negara kita dan juga dasar kemajuan negeri-negeri yang ketinggalan. Setakat ini kita perhatikan bahawa kebanyakan syarikat

perkilangan masih enggan menempatkan kilang-kilang mereka di kawasan-kawasan kurang maju ataupun di kawasan desa memandangkan bahawa galakan untuk mereka beralih dari bandar-bandar besar adalah terhad. Kemudahan-kemudahan asas seperti pengangkutan, perhubungan dan juga bekalan tenaga mahir masih lagi berkurangan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Walau bagaimanapun, adalah difikirkan wajar di peringkat ini supaya lebih banyak industri ditempatkan di kawasan desa dan juga negeri-negeri yang kurang maju untuk membolehkan pekerja-pekerja yang dahulunya bergantung kepada pertanian mengalihkan perhatian mereka kepada sektor industri, dengan secara tidak langsung ini akan mengurangkan perpindahan di kalangan muda-mudi ke bandar-bandar yang terbesar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkembangan sektor perkilangan dari aspek penempatan sahaja, di tahun-tahun akan datang Kerajaan harus menumpukan perhatian kepada industri-industri kecil untuk tujuan menyerap lebih banyak tenaga pekerja. Industri-industri kecil sebenarnya memerlukan berbagai galakan kerana mereka terpaksa bertanding dengan industri besar yang kebiasaannya dikendalikan oleh syarikat-syarikat ataupun pengurus-pengurus asing. Sekiranya industri-industri kecil tidak diberi galakan yang sesuai dari segi kredit, pengurusan dan juga kemudahan-kemudahan termasuk kilang-kilang atau kawasan-kawasan kilang yang khas sudah tentulah industri ini tidak dapat bertanding dengan industri-industri yang besar, yang mempunyai keupayaan teknologi yang tinggi dan pentadbiran serta pengurusan yang lebih cekap.

Di bahagian akhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat adalah diharapkan sektor perkilangan akan diberi keutamaan kerana potensinya

dari segi meningkatkan pengeluaran negara dan penyerahan tenaga pekerja. Perkembangan sektor ini juga adalah diharapkan dapat memenuhi keperluan matlamat untuk menyusun semula masyarakat negara kita. Sempena dengan itu Kerajaan perlulah memulakan pelaksanaan dasar penubuhan industri-industri berat dan juga teknologi tinggi melalui HICOM. Untuk menggalakkan industri-industri ini berkembang sudah tentu negara kita memerlukan bukan sahaja teknologi negara-negara maju, tetapi juga menyediakan bekalan tenaga mahir yang mempunyai daya mencipta. Kemahiran dan daya mencipta mestilah dipupuk supaya pembaharuan kepada teknik-teknik pengeluaran dan mutu pengeluaran dapat diwujudkan. Setakat ini negara kita seperti juga negara-negara membangun yang lain masih lagi bergantung kepada pemindahan teknologi dari negara-negara maju. Pemindahan teknologi dari negara-negara maju sentiasa melibatkan kos yang tinggi dan dari segi pembayaran untuk memperolehi teknik-teknik pengeluaran, dari segi pembayaran untuk mendapatkan kepakaran asing dan juga dari segi pembelian alat-alat jentera untuk membuat sesuatu bahan.

Isu penggantungan teknologi sepatutnya diberi perhatian yang mendalam kerana ianya menimbulkan berbagai kesan yang merugikan negara kita terutama sekali dari segi keupayaan kita untuk mencipta.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan pergantungan ini, negara kita perlu memajukan beberapa strategi yang bersesuaian untuk mewujudkan industri-industri berat dan berteknologi tinggi. Apa yang diperlukan ialah satu dasar yang lengkap terhadap proses pemilihan teknologi yang diimport supaya bersesuaian dengan keperluan negara.

Pengalaman di Soviet Union dan juga di negeri Jepun telah menunjukkan

betapa perlunya dasar terhadap pemindahan teknologi supaya faedahnya dapat dinikmati oleh negara dan sebaliknya mengelakkan kesan-kesan yang buruk. Seajar dengan ini galakan-galakan tertentu hendaklah diberikan kepada sektor perkilangan untuk memperkuatkan kegiatan penyelidikan mereka supaya teknologi tempatan dapat dimajukan dengan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, dasar teknologi ini adalah amat penting kerana sebagai negara yang sedang membangun, kita perlu mengurangkan pergantungan kita kepada negara-negara maju untuk mendapatkan teknologi. Keupayaan teknologi tempatan sebaliknya mesti dipertingkatkan melalui usaha-usaha penyelidikan dalam syarikat-syarikat tempatan dan institusi-institusi tertentu termasuklah universiti-universiti kita. Usaha-usaha seperti ini adalah didugakan dapat mempertingkatkan mutu eksport perkilangan kita.

Di tahun-tahun akan datang eksport perkilangan akan memainkan peranan yang lebih penting dari eksport bahan-bahan utama kita. Ini juga bermakna keperluan negara kita untuk meneliti kembali dasar eksport kita yang kini masih berpandukan kepada kedudukan ekonomi negara-negara maju. Tetapi oleh kerana kemelesetan ekonomi mereka kebelakangan ini, mereka telah memperlindungan industri-industri mereka dari pertandingan eksport negara-negara membangun seperti Malaysia. Mungkin pandangan kita terhadap negara-negara membangun yang lain dari segi eksport barang-barang perkilangan akan membuat lebih banyak manfaat di tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini telah menunjukkan bahawa asas perancangan ekonomi Malaysia telah berubah dan perubahan ini memerlukan satu penganalisan, di samping menilai

semula prospek jangka panjang ekonomi negara kita. Oleh itu, arah baru strategi dan dasar pembangunan serta pelaksanaannya adalah perlu untuk menghadapi keadaan baru dan semakin sukar yang dialami oleh negara. Perubahan-perubahan peraturan kerja dan institusi yang sedia ada perlu dibuat dan nilai-nilai baru diamalkan. Hanya dengan pelaksanaan pendekatan baru dan penyerapan nilai-nilai baru kepada yang sedia ada, negara kita dapat membina sebuah masyarakat yang bersatu, teguh, berdikari dan maju. Arah baru strategi dan dasar pembangunan ini dijangka akan mempercepatkan lagi kemajuan ke arah pencapaian objektif Dasar Ekonomi Baru.

Keadaan ekonomi dunia dan dalam negeri pada tahun-tahun akan datang adalah berbeza daripada keadaan dalam dekad yang lalu. Keadaan ini menunjukkan perlunya rakyat menerima kenyataan mengenai suasana yang kurang memuaskan pada masa hadapan dan jangkaan terhadap kadar pertumbuhan yang lebih rendah daripada yang telah dicapai pada masa-masa yang lalu. Jangkaan tersebut dan keadaan yang semakin berubah memerlukan pembaharuan, pendekatan dan strategi pembangunan, termasuk penerimaan nilai-nilai yang progressif.

Pengalaman pembangunan pada masa lalu, termasuk kemelesetan ekonomi yang berlaku pada masa ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mempunyai cukup ketahanan untuk menghadapi masa depan yang sukar dan juga memberi satu jaminan bahawa kemajuan yang memuaskan akan dapat dicapai dan dipertahankan untuk selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan tahniah dan penghargaan yang tulus ikhlas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad kerana semenjak beliau memegang

tampuk Kerajaan Persekutuan Malaysia kita telah melihat dan menikmati hasil stail pentadbiran yang sentiasa diperlihatkan kepada kita tentang keberanian, ketegasan, kebijaksanaan dan keikhlasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghadapi dan menyelesaikan apa-apa juga bentuk masalah negara ini tanpa mengambil kira risiko-risiko yang mungkin menimpa diri beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai dan mendoakan semoga nilai-nilai kepimpinan yang berani, tegas, bijaksana dan ikhlas yang telah ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad selama ini akan menjadi contoh, perangsang dan warisan kepada diri saya sendiri dan juga generasi-generasi Malaysia yang akan datang untuk selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang melafazkan sokongan penuh saya kepada usul untuk meluluskan kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat seperti yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Seremban.

*6.44 ptg.*

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, perenggan 27 Kajian Separuh Penggal menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) bertujuan untuk membasmi kemiskinan di kalangan semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan untuk menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dan kawasan dapat dikurangkan dan seterusnya dihapuskan. Adalah perlu ditegaskan bahawa pencapaian matlamat khusus DEB bukanlah merupakan matlamat pembangunan negara yang terakhir, tetapi hanya satu langkah ke arah membentuk sebuah negara yang bersatu padu.



Tuan Yang di-Pertua, adalah sedih untuk mengatakan bahawa perpaduan negara adalah masih jauh lagi. Masih terdapat polarisasi di antara kaum dan pemuda-pemudi kita sama ada Melayu, Cina atau India merasa mereka dibiarkan begitu sahaja berhubung dengan peluang pekerjaan dan pelajaran. Ini adalah satu hakikat yang benar sungguhpun satu generasi baru pemuda-pemudi telah menamatkan pelajaran mereka dengan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar dan mereka boleh bertutur, membaca dan menulis Bahasa Malaysia dengan mudahnya. Mereka merasa bimbang dan dukacita kerana terdapat layanan diskriminasi di beberapa bidang. Terdapat ketidaksaksamaan politik dan prinsip "seorang satu undi" dikompromaisikan dengan seriusnya menerusi "gerrymeandering" atau "fiddling" dalam sempadan-sempadan sebahagian pilihanraya.

Pemuda-pemudi kita mendapati sungguhpun mereka mempunyai kelayakan dan sijil dan mahu bekerja, namun peluang pekerjaan dinafikan dan pintu universiti-universiti dan maktab-maktab ditutup bagi mereka. Walaupun dilahir dan dibesarkan di sini, mereka agak sukar untuk bersabar dengan keadaan di mana rakyat Malaysia dibahagikan kepada "Bumiputera" dan "bukan Bumiputera". Mengapa perbezaan ini dibuat sedangkan mereka diharapkan akan bekerja dan bertitik peluh untuk negara, dikehendaki membayar cukai serta membuat pengorbanan.

Ini adalah satu persoalan yang meluap yang kerap ditanya-tanya oleh pemuda-pemudi kita. Mereka yang miskin, baik di bandar atau luar bandar mempunyai sebab untuk merasa kecewa atau dinafikan. Pekebun-pekebun kecil getah, pesawah-pesawah, pekerja-pekerja lombong, penduduk-penduduk kampung-kampung baru dan setinggan-setinggan telah menderita sejak beberapa tahun kebelakangan ini serta

mendapati pendapatan mereka makin lama makin berkurangan.

Sejak pelancaran Rancangan Malaysia Keempat, insiden kemiskinan telah meningkat dari 29% dalam tahun 1980 kepada 42.8% menurut angka-angka yang disiarkan oleh Unit Penyelidikan Sosial dan Ekonomi. Kadar kemiskinan adalah paling tinggi di kalangan pekebun-pekebun kecil getah, iaitu sebanyak 41%, 54% di kalangan pesawah-pesawah, 54.6% di kalangan pekerja-pekerja ladang dan 41% di kalangan pekerja-pekerja lombong.

Berhubung dengan pembasmian kemiskinan pula, DEB belum lagi mencapai sasarannya dan peperangan terhadap pembasmian kemiskinan nampaknya tidak berjaya tetapi sebaliknya makin kalah. Kesalahannya diletakkan ke atas keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang telah menyebabkan kejatuhan harga getah dan bijih timah. Pasaran yang terhad untuk barang-barang yang siap dibuat juga dijadikan alasan. Turut disalahkan ialah dasar perlindungan dan kejatuhan harga minyak, akan tetapi "scapegoat" yang berguna seperti kemelesetan dunia bukanlah merupakan sebab tunggal. Mengapa keadaan kemiskinan di negara ini merosot.

Tuan Yang di-Pertua, di Asia meskipun berlakunya kemelesetan di seluruh dunia, negara-negara seperti Jepun, Korea, Taiwan dan Singapura telah berjaya dengan baik dan negara-negara tersebut tidak mempunyai berbagai sumber semula jadi yang meluas, seperti terdapat di Malaysia. Negara kita telah mempelbagaikan kegiatannya ke bidang perindustrian. Terdapat simpanan petroleum dan gas yang banyak. Hasil daripada minyak kelapa sawit dan kayu balak juga memperolehi pertukaran asing yang banyak.

Kekayaan negara kita tidak diagihkan dengan adilnya di kalangan rakyat

sungguhpun DEB diduga bagi memastikan terdapat pengagihan yang adil. Memang benar beberapa orang bumiputera telah menjadi lebih kaya seperti interpreneur-interpreneur Melayu yang menjadi jutawan-jutawan baru tetapi orang-orang Melayu di kampung masih miskin lagi. Ada sesuatu yang tidak kena dan nampaknya dengan izin good house-keeping masih merupakan satu bakat yang asing kepada Kerajaan Barisan Nasional. Perbelanjaan secara berhati-hati dan penjimatan tidaklah menjadi sifat-sifat yang diamalkan semasa zaman gemilang.

Dalam tahun-tahun 70an di mana harga komoditi berada pada paras tinggi serta penemuan minyak di laut dekat Terengganu, kini keadaan kewangan adalah rumit dan rintangan-rintangan kewangan telah memaksa Kerajaan memperlahankan pembangunan dan bantuan kepada bidang-bidang kemiskinan. Setiap orang terpaksa, dengan izin, tightening his belt khususnya mereka yang miskin yang tinggal di kampung-kampung dan Kampung-kampung Baru.

Seorang house-keeper yang bijak sudah tentu akan menyimpan semasa keadaan baik dan bersiap sedia untuk menghadapi zaman rumit seperti sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dekad yang lalu tahun demi tahun belanjawan negara telah menunjukkan bahawa perbelanjaan telah mengatasi hasil atas nama pembangunan. Kerajaan-kerajaan Negeri pula telah mencontohi trend belanjawana deficit ini tahun demi tahun. Dan memanglah segala-segalanya yang baik pasti akan hadir akhirnya tamat dengan kesedaran bahawa terdapatnya hutang negara terkumpul kira-kira \$50 bilion dan \$18 bilion darinya adalah hutang asing dari lain negara. Di samping itu Perbadanan-perbadanan miliki Kerajaan juga mempunyai hutang asing yang besar, pembayaran balik hutang serta faedah telah mencungkil sebahagian besar

hasil Kerajaan dan ini bermakna wang yang kurang untuk projek-projek pembangunan untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pembaziran wang awam, ini adalah satu masalah yang chronic yang dilakukan oleh semua Kerajaan Barisan seperti projek-projek mewah. Hanya tahun lalu Dewan ini diberitahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membina sebuah kediaman yang berharga kira-kira \$18 juta. Kompleks Dayabumi adalah satu kes ketara. Kompleks tersebut yang berharga \$300 juta lebih memang mengkagumkan dan ia hampir-hampir telah menjadi sebuah projek gajah putih atau white elephant dengan pembinaan terlalu banyak ruang pejabat sehingga PETRONAS dan Kementerian Perusahaan Utama yang merupakan "captive tenant", untuk membantunya dengan menyewakan hampir kesemua 35 tingkatnya. Kontrak untuk membina kompleks tersebut telah diberi kepada sebuah firma Jepun yang mengenakan bayaran sebanyak \$85 juta lebih daripada sebutarga pemborong tempatan dan hampir-hampir tiada pemindahan teknologi dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah juga adalah satu masalah yang masih dihadapi seperti dahulu. Ia merupakan penyakit yang dihadapi oleh hampir semua negara ketiga dan Malaysia tidaklah dikecualikan dan orang-orang yang menderita akibat rasuah ialah orang-orang miskin serta the silent majority.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan salah kewangan. Dalam kesungguhannya untuk melancarkan DEB, Kerajaan-kerajaan Negeri telah menubuhkan beratus-ratus perbadanan dan telah menyertai bidang perniagaan dan perindustrian secara besar-besaran. Malangnya, akibat perancangan yang kurang baik dan kekurangan kepakaran pengurusan, banyak di antara usaha-usaha ini telah mengalami kerugian

dan beberapa daripadanya telah pun ditutup. Lebih \$107 juta telah dirugikan oleh dua ladang gula iaitu Gula Negeri Sembilan dan Gula Perak.

Dalam tahun 1982 sebanyak 228 anak-anak syarikat Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengalami kerugian sejumlah \$360 juta dan 43 syarikat telah ditutup dan 28 dijual. Namun demikian, kerugian terbesar sekali telah dialami oleh Bumiputera Malaysia Finance di Hongkong di mana pinjaman kira-kira \$2.5 billion telah diberi kepada tiga syarikat iaitu Carrian, Eda Investments dan Kevin Tsu sudahpun bankrap dan adalah sukar untuk mendapatkan balik pinjaman-pinjaman tersebut.

Perdana Menteri telah mengatakan skandal BMF adalah satu jenayah yang menjijikkan dan beliau telah mengadakan sebuah jawatankuasa tiga orang untuk menyiasat ke dalam peristiwa tersebut. Kami dalam DAP lebih suka sebuah Suruhanjaya Penyiasat Di Raja supaya dapat mendedahkan misteri di sebalik pinjaman-pinjaman tersebut serta menamakan pesalah-pesalah atau culprit yang terlibat itu. Rakyat harus tahu akan faktor-faktor berhubung dengan peristiwa tersebut supaya ia dijadikan sebagai satu contoh untuk mengelak daripada berulangnya skandal begitu besar kerana sebarang pengulangan peristiwa seumpama itu akan memiskinkan seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Dasar Pandang ke Timur dan pengswastaan, tekanan kewangan dalam erti kata peti wang Kerajaan yang kosong telah memaksa suatu perubahan strategi dengan mendesak penglibatan sektor swasta secara lebih aktif di dalam pembangunan ekonomi negara. Pada hemat saya pengusaha-pengusaha sama ada besar atau kecil mampu memainkan peranan yang penting seperti juga rakan-rakan mereka di negara-negara maju asalkan had-had

dan syarat-syarat yang dikenakan tidaklah terlalu banyak.

Sebenarnya nenek moyang pengusaha-pengusaha inilah yang bertanggungjawab membawa perniagaan dan perdagangan ke Melaka, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain beberapa ratus tahun dahulu. Mereka telah pun berbuat demikian atas daya usaha dan ikhtiar sendiri. Bukti-buktinya dapat dilihat daripada kewujudan dewan-dewan perniagaan serta bank-bank yang kukuh, individu yang berani menghadapi apa-apa cabaran telah memasuki kawasan-kawasan pedalaman untuk meneroka hutan belantara untuk menjadikan ladang-ladang getah dan melombong untuk timah. Kesemua ini telah membawa masuk hasil yang lebih bagi pembangunan seterusnya. Tradisi disiplin serta bertungkus-lumus masih wujud di kalangan rakyat Malaysia. Saya tidak memahami keperluan meneliti sehingga ke Jepun dan Korea Selatan untuk mendapatkan aspirasi. Rakyat Malaysia mempunyai kebaikan-kebaikan yang sama juga. Kerajaan hanya perlu mengintegrasikan pekerja-pekerja Malaysia tanpa mengira kaum. Memang benar bahawa kepakaran dan teknologi baru ini boleh didapati di Jepun dan Korea Selatan dan bahawa belia kita dapat mempelajari darinya. Belia Malaysia patut juga dihantar ke Taiwan di mana teknologinya tidak jauh ketinggalan dan merupakan pengeluar barangan teknologi yang utama. Tidak patut juga dilupai bahawa negara-negara seperti United Kingdom, USA, Australia dan negara-negara Komanwel juga merupakan negara-negara maju dan universiti-universiti serta kolej-kolej.....

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat, masa sudah tiba bagi saya menangguhkan mesyuarat. Bolehkah Yang Berhormat sambung pada hari Isnin?

**Dr Chen Man Hin:** Terima kasih.

Dewan akan bersidang semula pada hari Isnin, 2hb. April, 1984 pada jam 2.30 petang.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.*